PENGHAYATAN ASMA’UL HUSNA

(Mengenal Allah s.w.t.)

PENGENALAN

“Dan Dialah yang menciptakan bagimu pendengaran, penglihatan dan hati. Amat sedikitlah yang bersyukur. Dan Dialah yang menciptakan serta meramaikan kamu di bumi ini dan kepadaNya kamu akan dihimpunkan. Dan Dialah yang menghidupkan dan mematikan dan Dialah yang mengatur pertukaran malam dan siang. Apakah kamu tidak berfikir tentangnya?”

Surah Mukminun : Ayat 78-80

Perbuatan Allah

8. Al Anfaal

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ قَتَلَهُمْ ۚ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ
رَمَىٰ ۚ وَلِيُبْلِيَ ٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَآءً حَسَنًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾

17. Maka (yang sebenarnya) bukan kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allahlah yang membunuh mereka, dan bukan kamu yang melempar ketika kamu melempar, tetapi Allah-lah yang melempar. (Allah berbuat demikian untuk membinasakan mereka) dan untuk memberi kemenangan kepada orang-orang mukmin, dengan kemenangan yang baik. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Dia ada dimana saja

57. Al Hadiid

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۚ
يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ وَمَا
يَعْرُجُ فِيهَا ۖ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤﴾

4. Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa: Kemudian Dia bersemayam di atas ´arsy[1453] Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar daripadanya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepada-Nya [1454]. Dan Dia bersama kamu di mana saja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.

[1453]. Lihat no. [548].
[1454]. Yang dimaksud dengan *yang naik kepada-Nya* antara lain amal-amal dan do´a-do´a hamba.

Allah dekat

50. Qaaf

Gerak-gerik manusia dan perkataannya dicatat oleh para malaikat

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ ۖ وَنَحْنُ أَقْرَبُ

إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ ﴿١٦﴾

16. Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya,

Roh ciptaanNya

32. As Sajdah

ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦ ۖ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ
وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۚ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

9. Kemudian Dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)-Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati; (tetapi) kamu sedikit sekali bersyukur.

Roh urusan Allah

17. Al Israa'

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

85. Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: "Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit."

Culapan Allah

2. Al Baqarah

صِبْغَةَ ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ صِبْغَةً ۖ وَنَحْنُ لَهُۥ عَٰبِدُونَ ﴿١٣٨﴾

138. Shibghah Allah[91]. Dan siapakah yang lebih baik shibghahnya dari pada Allah? Dan hanya kepada-Nya-lah kami menyembah.

[91]. *Shibghah* artinya celupan. *Shibghah Allah*: celupan Allah yang berarti iman kepada Allah yang tidak disertai dengan kemusyrikan.

Seru Asmaul Husna

7. Al A'raaf

Kedatangan azab Allah kepada orang-orang yang mendustakan ayat-ayat-Nya dengan cara istidraj[584]

وَلِلَّهِ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ فَٱدْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا۟ ٱلَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِىٓ أَسْمَٰٓئِهِۦ ۚ
سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

180. Hanya milik Allah asmaa-ul husna[585], maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut asmaa-ul husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya[586]. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.

[584]. Yaitu: dengan membiarkan orang itu bergelimang dalam kesesatannya, hingga orang itu tidak sadar bahwa dia didekatkan secara berangsur-angsur kepada kebinasaan.

[585] Maksudnya: nama-nama yang agung yang sesuai dengan sifat-sifat Allah.

[586] Maksudnya: janganlah dihiraukan orang-orang yang menyembah Allah dengan nama-nama yang tidak sesuai dengan sifat-sifat dan keagungan Allah, atau dengan memakai asmaa-ul husna, tetapi dengan maksud menodai nama Allah atau mempergunakan asmaa-ul husna untuk nama-nama selain Allah.

Zikrullah

3. Ali 'Imran

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلۡقِ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا مَا خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلٗا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ
ٱلنَّارِ ١٩١

191. (yaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka.

Ikut Nabi

3. Ali 'Imran

Bukti cinta kepada Allah s.w.t.

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾

31. Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu." Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

MODULE 1

Berkenalan Dengan

Ya Rahman, Ya Rahim, Ya Malik

YAA ROHMAAN
YANG MAHA PENGASIH

Allah Ya Rahman yang Maha Pengasih, Pemurah atau Yang Maha Belas Kasihan (rahmat). Dia menaburkan kasih kepada semua makhluq di dunia ini walaupun manusia tidak menyembahNya dan tidak mengucapkan terima kasih kepadaNya atau tidak meminta kepadaNya. Rahmat Allah meliputi segala-galanya.

Manusia adalah alat Allah Ya Rahman dalam mengalirkan kasih Allah. Kasihsayang Allah Ar-Rahman adalah vitamin jiwa. Setiap manusia memerlukan kasih sayang. Kasihsayang mampu melahirkan kekuatan luar biasa. Alirkan kasihsayang Ar-Rahman kepada manusia sekeliling kita, pasti kebahagiaan menunggu kita.

Ganjaran hasil amalan zikir Ya Rahman – Melahirkan insan yang Sedetikpun tidak pernah memperlihatkan perasaan benci.Setiap kata2nya mengeluarkan mutiara2 kasih. Setiap tatapan matanya memancarkan kasih. Gerakan kaki dan tangannya hanya bertujuan menolong atas dasar kasih dan bukan kepentingan diri

YAA ROHIIM
YANG MAHA PENYAYANG

Allah Ya Rahim Maha Penyayang. Allah penyayang kepada hambaNya yang beriman. Dengan sayangNya Dia memelihara hamba pilihanNya untuk tetap berada di dalam redhaNya. Sayang Allah akan berakhir dengan balasan syurga di akhirat. Seringkali Allah Ya Rahim mengalirkan sayangNya dengan memberi ujian dan musibah agar hambaNya datang dekat denganNya, begitu juga ketika hambaNya tersasar dari jalanNya, Dia Ya Rahim membimbing kembali ke jalan yang benar dengan sedikit ujian dan musibah.

Manusia adalah alat Allah Ya Rahim. Sifat Ar-Rahim yang ada pada manusia membolehkan manusia mendidik, membimbing untuk membawa manusia lain kepada Allah Ya Rahim., menegur sekiranya tersilap, memberikan perhatian dan sokongan didalam apa yang diperjuangkan.

Hasil amalan zikir Ya Rahim – melahirkan insan yang Menunjukkan sifat Ar Rahim pada orang yg lalai melalui teguran dan nasihat secara lembut dan bukannya kasar. Org derhaka dipandang dengn penuh kasih dan bukan pandangan hina.

YAA MALIK
YANG MAHA BERKUASA

Allah Ya Malik Yang Maha Memiliki. Dia memiliki seluruh isi langit dan bumi secara mutlak. Dan Dia memiliki diri kita, tubuh badan kita, anak2 kita, suami/isteri kita. Dia boleh memberi dan mengambil apa sahaja daripada manusia pada bila2 masa. Tiada siapa yang mampu menghalang sekiranya Allah Ya Malik ingin memberi atau Mengambil, Setiap pemberian adalah amanah dan pinjaman dan akan ditanyai semuanya. Allah Ya Malik akan mengambil segala hak milikNya yang ada pada kita ketika kita mati. Ketika kita mati, kita akan kembali kepada hakikat diri kita iaitu fakir, lemah, jahil, rendah, hina.

Manusia alat Allah Ya Malik, menguruskan hak milik Allah dengan amanah. Tidak ada seorang pun yg dapat mendakwa diri sebg penguasa tertinggi. Tugas pemerintah mewujudkan rasa aman, damai, sejahtera dan bahagia kepada saudara2nya.

Hasil amalan zikir Ya Malik – melahirkan insan yang sedar dirinya bukan pemilik dan Berusaha bersungguh2 untuk melaksanakan setiap amanah yang diberikan Allah dan Menjaga anugerah Allah sebaik mungkin, serta bersedia dengan redha sekiranya Allah Ya Malik mengambil segala hak milikNya kembali.

MODULE 2

Berkenalan Dengan

Ya Quddus, Ya Salam, Ya Mukmin, Ya Muhaimin

YAA QUDDUUS
YANG MAHA SUCI

Ya Quddus bereriti Allah suci, bersih atau sempurna dari segala kesalahan, Kecacatan atau kekurangan. Penciptaan langit dan bumi membuktikan kesempurnaan penciptaanNya dan kekuasaanNya. Allah Al-Quddus juga membawa makna mempunyai Allah mempunyai Pekerti yang sangat mulia diliputi dengan kasih sayang tanpa kebencian. Kesucian Allah Ya Quddus membolehkan Allah menyucikan jiwa2 manusia. Sifat sucinya terpancar pada Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi kejahatan musuh2nya.

Manusia adalah alat Allah Ya Quddus dalam berfikir positif, berhati mulia kepada manusia sekeliling.

Ganjaran kepada amalan zikir Ya Quddus – melahirkan insan yang ikhlas dalam setiap perbuatan hanya kerana Alah. Penghayatan Al-Quddus dalam diri dengan menyucikan jiwa daripada sembahan2 Lain daripada Allah (hawa nafsu, bisikan syaitan, dunia, kata2 manusia). Menyucikan Jiwa daripada penyakit2 hati (dendam, benci, mengumpat, menghasut dll). Dan Sucikan hidup daripada dosa dan noda. Sucikan mulut, telinga, mata, anggota tubuh Dan sebagainya.

YAA SALAAM
YANG MAHA SEJAHTERA

Ya Salam beerti Yang Maha sejahtera, tenang, menyelamatkan, damai. Dia yang Memberi kesejahteraan, ketenangan, keselamatan dan kedamaian kepada Manusia. Dia memberi kesejahteraan jiwa, pemikiran, emosi dan tubuhbadan. Untuk mendapat kesejahteraan dari ya Salam, hendaklah mendekatkan diri denganNya dengan melakukan ketaatan dan ibadah sunat.

Penghayatan kepada As-Salam melahirkan manusia yang mengorbankan diri Bagi kesejahteraan dan keselamatan orang lain dengan membantu mengikut Kemampuan, memberi ketenangan melalui motivasi, nasihat dan pandangan. Menjaga kesejahteraan badan dengan mengikut sunnah nabi (makan, tidur, Bermuamalat dll).

Ya Mukmin memberi keamanan jiwa, emosi dan jasmani, dibebaskan dari rasa Takut dan bimbang. Allah menjaga keamanan kehidupan manusia dan Dia Juga mampu memberikan bahaya dan ancaman (Ya Dharr). Ia juga membawa Untuk mendapat keamanan dari Ya Mukmin, hendaklah beriman kepada Allah, Malaikat, Rasul,Kitab, Akhirat, Qada' dan Qadar.

Penghayatan kepada Al-Mu'min adalah seseorang harus ikhlas dalam setiap Apa yang dilakukan demi kerana Allah, bersemangat dan tidak putus asa, tidak Takut Menghadapi cabaran kehidupan kerana berdamping dengan Allah Ya Mu'min.

YAA MU'MIN
YANG MAHA MENGAMANKAN

Ya Allah Ya Muhaimin Yang Maha Memelihara. Dia memelihara hidup manusia Daripada bahaya dan bencana. Dia memelihara manusia daripada Tergelincir dari jalan kebenaran dan daripada mengikut bisikan syaitan serta Memelihara hamba2 yang beriman daripada api neraka.

Menghayati sifat Al-muhaimin akan menjadikan seseorang cuba sedaya Upaya memelihara kesejahteraan manusia lain agar manusia selamat dunia dan Akhirat. Memelihara manusia lain daripada terpesong dari kebenaran dengan Kerja2 da'wah.

Manusia harus memohon pemeliharaan daripada Allah daripada bencana dunia dan Akhirat, Makhluq tidak mampu memelihara melainkan dengan pertolongan dan Izin Allah Ya Muhaimin. Manusia harus bergantung penuh kepada Allah Ya Muhaimin demi kesejahteraan dunia dan akhirat.

YAA MUHAIMIN
YANG MAHA MEMELIHARA

MODULE 3

Berkenalan Dengan

Ya Aziz, Ya Jabbar, Ya Mutakabbir

YAA 'AZIIZ
YANG MAHA PERKASA

Ya Allah Ya Aziz Yang Maha Perkasa. Dia lebih perkasa daripada seluruh Makhluq di dunia ini. KeperkasaanNya dapat dilihat dalam penciptaan langit dan Bumi serta makhluqNya. Dia perkasa dalam menguasai setiap makhluqNya Seperti matahari, bulan, bintang, binatangm gunung serta manusia. Seluruh Keperkasaan makhluqNya samada manusia, binatang dan sebagainya adalah keperkasaanNya. Dia juga mampu memperkasakan jiwa manusia agar cekal dan Tabah dalam menghadapi ujian kehidupan.

Menghayati sifat Al-Aziz akan melahirkan manusia yang kuat semangat dalam Mengharungi kehidupan, tidak mudah putus asa ketika kecewa dan berusaha Bersungguh-sungguh mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Hamba Al-Aziz Akan menguatkan jiwa2 yang lemah dan kecewa agar tabah menghadapi ujian Dan dugaan hidup. Dia yakin semakin diuji semakin cinta Allah kepadanya dan dia Akan redha dan sabar atas ujian itu.

Sifat sentiasa memperkasa jiwa, emosi dan jasad hasil kurniaan Allah Ya Aziz dan melahirkan seorang insan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- *Sentiasa memperkasa jiwa dan emosi dengan kemampuan mengharungi ujian, kegagalan dan kesulitan hidup*
- *Sentiasa berkeupayaan untuk menerima kegagalan-kegagalan sebagai langkah-langkah kejayaan*
- *Sanggup melalui kehidupan yang sukar demi meraih sebuah kejayaan dan kecemerlangan dunia dan akhirat*
- *Rohaninya cukup kuat untuk menanggung kesusahan dengan sabar dan bertawakal kepada Allah s.w.t.*
- *Rohaninya cukup kuat untuk melakukan ibadah yang berterusan*
- *Tidak mudah putus asa dan kecewa dalam mengharungi ujian kehidupan*
- *Cepat sembuh sebarang penyakit kerana keperkasaan menerima dan mencari penyembuhan*
- *Tidak mudah kalah dengan kata-kata manusia*
- *Sentiasa berusaha mencari pelbagai jalan hidup tanpa jemu sekiranya tidak Berjaya*
- *Sanggup berhadapan dengan sesiapa sahaja demi untuk mencari kebenaran dan kejayaan*

YAA JABBAAR
YANG KEHENDAKNYA
TAK DAPAT DIINGKARI

Ya Jabbar Yang Maha Memaksa yang kehendakNya tidak dapat diingkari oleh Sesiapa pun. PemaksaanNya tanda kasihsayangNya kepada hamba2 pilihanNya Kerana manusia sering lupa dan lalai. Hanya dengan pemaksaan dan kehendakNya Manusia akan ingat kepada Allah ketika diri lalai.

Menghayati Al-Jabbar akan menjadikan manusia syukur dan redha atas setiap kehendakNya dan pemaksaanNya kerana kehendak Allah itu tanda kasihsayangNya Dan kerana ingin menyelamatkan manusia daripada kemungkaran dan kemurkaan Allah. Seringkali manusia disempitkan rezekiNya atau diberikan
Ujian kesakitan dan kehinaan kerana ingin manusia ingat dan insaf
Setiap kesalahannya dan kembali ke jalan yg benar.

Allah Ya Mutakabbir Yang Maha Memiliki Kebesaran, seluruh kebesaran diatas Dunia ini adalah milikNya seperti gelaran kemuliaan dan jawatan. KebesaranNYa Juga membawa erti Dia zat yang Maha Besar yang kebesaranNya meliputi Kebesaran alam ini. Manusia dan alam semesta sangat kerdil berbanding dengan kebesaran Allah.

Menghayati Al-Mutakabbir akan menjadikan manusia sedar akan kekerdilan diri, Tidak menyombong diri, sentiasa merendah diri dan menginsafi diri. Hamba Al-Mutakabbir akan bergantung penuh kepada Allah dalam setiap yang dilakukan Dengan menyedari akan kedhaifan dan kekurangan diri. Hamba Al-Mutakabbir Juga menggunakan kebesaran Allah untuk mencapai kemuliaan dan keyakinan Diri dalam kehidupan dalam menjalankan tugas penghambaan dan khalifatullah Di dunia ini.

YAA MUTAKABBIR
YANG MEMILIKI KEBESARAN

MODULE 4

Berkenalan Dengan

Ya Kholiq, Ya Baari’, Ya Musowwir

YAA KHOOLIQ
YANG MAHA PENCIPTA

Allah Ya Khooliq Yang Maha Pencipta menciptakan alam semesta ini serta seluruh Isi langit dan bumi tanpa bantuan sesiapa. Dia pencipta dan pemilik mutlak ke atas Segalanya. PenciptaanNya sangat sempurna, indah dan harmoni. Manusia adalah Ciptaan Allah dan sebagai pencipta, Allah mengetahui keperluan manusia dan Mengatur segala keperluan manusia di atas dunia ini.

Untuk mencapai kesempurnaan penciptaan Ya Kholiq, manusia harus kembali Kepada fitrah kesempurnaan ciptaan yang dialirkan dengan sifat2 Allah yang Maha Hebat.

Penghayatan kepada sifat Al-Kholiq akan menjadikan manusia suka mencipta Perkara dan idea baru, sentiasa membuat perubahan kearah kebaikan dan Memikirkan teknik dan kaedah baru yang tidak pernah difikirkan oleh orang lain. Mereka tidak mengenal putus asa dan kecewa kerana bergantung penuh dengan Ya Kholiq,

3. Ali 'Imran

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلۡقِ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا مَا خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلٗا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ
ٱلنَّارِ ١٩١

191. (yaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka.

2. Al Baqarah

إِنَّ فِي خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَٱخۡتِلَٰفِ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ
وَٱلۡفُلۡكِ ٱلَّتِي تَجۡرِي فِي ٱلۡبَحۡرِ بِمَا يَنفَعُ ٱلنَّاسَ وَمَآ أَنزَلَ
ٱللَّهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن مَّآءٖ فَأَحۡيَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ مَوۡتِهَا وَبَثَّ
فِيهَا مِن كُلِّ دَآبَّةٖ وَتَصۡرِيفِ ٱلرِّيَٰحِ وَٱلسَّحَابِ ٱلۡمُسَخَّرِ
بَيۡنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ١٦٤

164. Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

YAA BAARI'
YANG MAHA MENGATUR

Ya Baari' Yang Maha Merancang merancang dan mengatur kejaidan alam diri, Merancang kehidupan manusia dan perjalanan seluruh makhluq di dunia ini. Perancangan dan pengaturanNya sangat hebat dan sempurna. Manusia sering Gagal melihat perancangan dan aturan Allah yang menyebabkan dia merosakkan Perancangan Allah dengan perancangannya yang penuh dipengaruhi nafsu dan Bisikan syaitan sehingga merosakkan alam dan kehidupan.

Menghayati Al-Baari' melahirakan hamba yang menyerah diri mengikut Perancangan, aturan dan agenda Allah. Membiarkan diri mengikut agenda Allah Akan melahirkan kehidupan yang tenang dan bahagia tanpa kecewa dan derita. Agenda Allah Ya Baari penuh dengan kesempurnaan, ketaatan dan kebaikan, Sebailknya agenda manusia sering dipenuhi kepentingan diri dan nafsu.

Menghayati Al-Baari juga akan melahirkan manusia yang berperancangan, tidak Terburu2 dan tergesa2. sentiasa merancang untuk kebaikan dan perubahan Kearah kebaikan dan kecemerlangan, tidak putus asa dan mudah kecewa.

13. Ar Ra'd

ٱللَّهُ ٱلَّذِى رَفَعَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ۖ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ

وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ

يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

2. Allah-lah Yang meninggikan langit tanpa tiang (sebagaimana) yang kamu lihat, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy, dan menundukkan matahari dan bulan. Masing-masing beredar hingga waktu yang ditentukan. Allah mengatur urusan (makhluk-Nya), menjelaskan tanda-tanda (kebesaran-Nya), supaya kamu meyakini pertemuan (mu) dengan Tuhanmu.

Allah Ya Musowwir Yang Maha Merekabentuk merekabentuk alam semesta Dan semua makhluqNya dengan cantk dan sempurna serta penuh keunikan dan Kreatif. Setiap kreativiti manusia merupakan sifat Allah Ya Musowwir, bukan Kehebatan kreativiti dan merekabentuk manusia. Dia mengalirkan sifat Al-Mosowwir Kepada manusia sehingga manusia menjadi kreatif dalam perbuatannya.

Menghayati sifat Al-Musowwir akan melahirkan manusia yang kreatif dalam Tindakannya seperti dalam merekabentuk bangunan, mencipta teknik dan kaedah Baru yang kreatif dan menghasilkan idea2 baru yang tak pernah difikirkan Manusia lain.

YAA MUSHOWWIR
YANG PEMBENTUK RUPA MAKHLUK

40. Al Mu'min

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ

صُوَرَكُمْ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَـٰتِ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ

ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾

64. Allah-lah yang menjadikan bumi bagi kamu tempat menetap dan langit sebagai atap, dan membentuk kamu lalu membaguskan rupamu serta memberi kamu rezki dengan sebahagian yang baik-baik. Yang demikian itu adalah Allah Tuhanmu, Maha Agung Allah, Tuhan semesta alam.

MODULE 5

Berkenalan Dengan

Ya Ghoffar, Ya Qohhar, Ya Wahhab, Ya Rozzaq

Ya Allah Ya Ghoffar Yang Maha Pengampun mengampun dosa hambaNya Walaupun dosa itu seluas buih dilautan. Dia mengampunkan kesalahan hambaNya walaupun setiap kali melakukan kesalahan, memohon ampun Dan diulangi balik kesalahan dan memohon ampun lagi dan seterusnya. Walau banyak kali melakukan kesalahan tapi setiap kali melakukan kesalahan Akan memohon ampun dan bertaubat dan meninggalkan kesalahan tersebut, Pasti akan diampunikan oleh Allah Ya Ghaffar.

Menghayati sifat Ya Ghoffar akan melahirkan manusia pemaaf yang mudah Memaafkan manusia lain. Hamba Al-Ghoffar akan mudah menerima kelemahan Dan kekurangan orang lain dan bersedia memaafkan kesalahan dan kelemahan Tersebut. Ini akan membuatkan seseorang tidak mudah putus asa dan merasa' Rendah diri dalam menjalani kehidupan seharian.

YAA GHOFFAAR

YANG MAHA PENGAMPUN

Allah sebagai Al-Qohhar adalah Dia yang menundukkan orang kafir dengan Kejelasan tanda-tanda kebesaranNya, menundukkan para pembangkang Dengan kekuasaanNya, menjinakkan para pencintaNya sehingga bergembira Dihadapan pintu RahmatNya, menundukkan panas dengan dingin, menggabung Kering dgn basah, mengalahkan besi dgn api, memadamkan api dgn air, memberi Manusia apa yg tidak diinginkan dan menghalangi nya daripada apa yang diingini.

YAA QOHHAAR
YANG MAHA PERKASA

Ketika manusia berdegil tidak mematuhi perintah Allah,
Allah Ya Qohhar akan menghukum agar manusia kembali ke jalan Allah
Orang yg Menghayati sifat Al-Qohhar akan aktif, produktif dan
Inovatif dalam hidupnya, tak pernah menyusahkan orang lain kerana
Mereka yakin suntikan vitamin Al-Qohhar dalam jiwa mereka adalah
Sumber luar biasa bagi mengharungi hidup yg sukar di dunia ini, dan
Mereka bertawakkal kepadaNya kerana yakin Allah akan membantu dan
Menolongnya.

Allah Ya Wahhab Maha Memberi apa yang diperlukan oleh Manusia tanpa meminta balasan dan seringkali Allah memberi tanpa manusia Meminta.kebaikanNya tidak putus-putus mengalir kepada manusia. Kadang-kadang pemberianNya dalam bentuk kesusahan/kemiskinan, tetapi kalau itu memberi kebaikan kepada kita, kita kena redha. Mungkin kesenangan dan kekayaan akan Melalaikan kita, sebab itu dijauhi oleh Allah. Kita hendaklah bersyukur atas setiap pemberianNya.

Al-Wahhab sebagai vitamin jiwa akan membangkitkan semangat sentiasa ingin Memberi kepada orang lain, termasuk membahagiakan dan menggembirakan orang Lain serta mengurangkan derita orang lain. Manusia perlu bekerja keras memajukan Ummah, membantu orang-orang yang susah dan memerlukan. Walau kita dalam Keadaan lapang atau sempit, kita perlu memberi apa sahaja yang kita miliki.

YAA WAHHAAB

YANG MAHA PEMBERI KARUNIA

YAA ROZZAAQ
YANG MAHA PEMBERI REZEKI

Allah Ya Razaq memberi rezekiNya kepada setiap makhluqNya. Setiap Makhluq samada manusia atau binatang sudah tersedia rezeki masing-masing. Rezeki Allah dalam pelbagai bentuk. Ada dalam bentuktuk keperluan duniawi Seperti makan-minum, wang ringgit, rumah, kenderaan dan sebagainya. Ada Dalam bentuk ukhrawi iaitu ilmu mengenal Allah dannSyurga.
Rezeki merupakan ujian daripada Allah. Allah
Memerintahkan kita menafkahkan sebahagian daripada rezekiNya kepada orang yg Memerlukan.

Penghayatan sifat Ar-Razaq akan melahirkan manusia yang bekerja dan berdikari. Maniusia yang inovatif, suka membuat perkara2 baru dan perubahan dalam kehidupan tetapi semuanya berlandaskan hukum syariat Allah.Sekiiranya perlu, Kita perlu keluar daripada negeri kita mencari rezeki dari seluruh pelusuk dunia. Setiap rezeki yang diterima harus disyukuri setiap masa dan setiap yang hilang Harus diredhai juga. Semuanya pinjaman daripada Allah dan akan diambil kembali Oleh Allah dan akan dihisab akan amanah yang diberikan..

MODULE 6

Berkenalan Dengan

Ya Fatah, Ya Alim

YAA FATTAH
YANG MAHA MEMBUKA

Allah Ya Fattah membuka setiap yang tertutup. Dia membuka pintu rezeki, Pintu penyelesaian segala malasah hidup, membuka pintu kasih sayang yang Hati tertutup, membuka minda dan pemikiran yang buntu dan tertutup dan Membuka setiap sesuatu yang tertutup yang diperlukan oleh manusia.Dia juga Mampu membuka jalan ke arahNya dengan membuka pintu misteri dan Keajaiban untuk menusia lebih dekat denganNya dengan membuka pintu hati Dan akal.

Kekuatan Al-fattah yang ada dalam diri manusia mampu menjadikan manusia Yang sentiasa berusaha memecah pelbagai kesulitan yang dihadapi. Hamba Kepada Ya Fattah mempunyai hati dan fikiran yang jernih yang mampu menerima Pandangan orang lain. Potensi ini juga mampu melahirkan orang yang sentiasa Positif kerana yakin Ya Fattah akan sentiasa membuka jalan bagi hamba2Nya yang menyerah diri dan bersandar kepadNya. dan tidak
Pernah mengenal erti putus asa.

Sifat sentiasa suka membuka jalan orang yang buntu dalam kehidupan hasil kurniaan Allah Ya Fatah dan melahirkan seorang insan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- ✓ *Sentiasa suka membuka jalan bagi kesusahan orang lain*
- ✓ *Sentiasa prihatin kepada kebuntuan orang lain*
- ✓ *Bekorban kepentingan peribadi demi membuka jalan orang lain yang lebih memerlukan*
- ✓ *Sentiasa membuka peluang pekerjaan kepada orang yang memerlukan*
- ✓ *Sentiasa membuka peluang kepada orang untuk berubah dan memperbaiki diri*
- ✓ *Sentiasa berjumpa dengan orang-orang lain yang boleh membuka jalan bagi memudahkan penyelesaian masalah orang lain*
- ✓ *Sentiasa berfikiran terbuka dalam menerima teguran yang baik dari orang sekeliling*
- ✓ *Sentiasa mencari jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah*
- ✓ *Berhati terbuka dengan menerima kesilapan orang lain dan menerima mereka seadanya*
- ✓ *Sentiasa membuka peluang bagi membimbing orang yang memerlukan bimbingan*

Allah Ya Alim mengetahui setiap sesuatu yang berlaku, Dia mengetahui perkara2 Yang ghaib yang diluar jangkauan manusia dan Dia mengetahui apa yang akan Berlaku. Tiada sehelai daun pun yang g ugur tanpa pengetahuanNya. Ilmu Allah Ya Alim sangat hebat. Kehebatan ilmuNya terserlah dalam kesempurnaan penciptaan makhluqNya. Ya Alim memberikan ilmuNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya.

Hamba Allah Ya Alim akan membuka fikirannya untuk dialirkan Ilmu Allah Ya Alim Untuk digunakan bagi kesejahteraan sejagat, rela menimba ilmu daripada Allah Melalui makhluq2Nya tanpa merasa dirinya hebat dengan sedikit ilmu yang Allah Berikan. IlmuNya juga perlu disebarkan kepada orang lain agar dapat dimanafaatkan Untuk kesejahteraan manusia dunia dan akhirat. Orang yang dikurniakan ilmu Sewajarnya lebih takut kepada Allah kerana mengetahui kehebatan dan sifat-sifatNya. Allah Ya Alim mengarahkan kita mencari ilmuNya bersungguh2 dan tanpa henti dan Dimana sahaja. Dalam mencari ilmu, kita harus merenungi, mengkaji, menganalisis Dan mengamati serta mengambil pengajaran dari semua itu dan seterusnya sujud Kepada Allah apabila dapat melihat kehebatan dan keagonganNya melalui penciptaanNya.

YAA 'ALIIM
YANG MAHA MENGETAHUI

Sifat sentiasa suka mencari ilmu demi untuk mengenal Allah, melakukan amal ibadat dan menolong manusia hasil kurniaan Allah Ya Alim dan melahirkan seorang insan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- *Sentiasa mencari ilmu tentang makrifatullah agar mengenal Allah, Nama-namaNya, sifat-sifatNya, KalamNya dan ciptaan-ciptaanNya, dan dengan itu dapat sentiasa memujiNya, membesarkanNya dan gerun kepadaNya.*
- *Sentiasa mencari ilmu untuk melakukan kebaikan kepada manusia sekeliling*
- *Sentiasa menyebarkan ilmu yang diperolehi agar manusia lain juga menjadi berilmu*
- *Memperbaiki amalan kepada yang lebih baik dengan penambahan ilmu yang diperolehi*
- *Mencari ilmu tentang cara hidup Islam-Iman-Ihsan agar dapat hidup di atas orbit ciptaan manusia dan melaksanakan tugas dan fungsinya sebagai hamba Allah.*
- *Mencari ilmu tentang batas-batas kufur dan tipudaya syaitan agar dapat mengelakkannya*
- *Mencari llmu tentang jalan ke neraka agar dapat mengelakkannya*
- *Mencari ilmu tentang jalan ke syurga agar dapat mengikutinya*
- *Dalam mencari ilmu, kita harus merenungi, mengkaji, menganalisis*
- *dan mengamati serta mengambil pengajaran dari semua itu dan seterusnya sujud Kepada Allah apabila dapat melihat kehebatan dan keagonganNya melalui penciptaanNya.*

MODULE 7

Berkenalan Dengan

Ya Qobidh, Ya Basith, Ya Khofidh,
Ya Rafi’, Ya Muiz, Ya Muzill

YAA QOOBIDH
YANG MAHA MENYEMPITKAN

Allah ya Qoobidh mampu menggenggam, menyempitkan, menghalang. Dia mampu Menyempitkan rezeki seseorang sekiranya Dia merasakan perlu sebagai Peringatan dan hukuman kepada hambaNya. Dia juga mampu Menghalang atau menangguhkan seseorang daripada mendapat sesuatu seperti jawatan, harta, kasih Sayang dan sebagainya. Tetapi setiap ketentuan Allah Ya Qoobidh mempunyai Kebaikan yang seringkali tidak mampu difikirkan oleh manusia dan dia juga menutup dosa hamba2Nya dengan menyempitkanNya.

Hamba Allah Ya Qoobidh adalah seorang yang redha atas setiap ketentuanNya dan Mengambil pengajaran atas setiap yang berlaku, memohon ampun diatas setiap Kesalahan yang disedarinya. Ketika diuji oleh Allah Ya Qoobidh, haruslah memerah Tenaga dan aqal untuk menghadapinya dengan usaha dan tawakkal.Setiap ujian Yang diberikan untuk membuktikan nilai seseorang disisi Allah.Dalam menghadapi ujian Ya Qoobidh, hendaklah redha dan tunjukkan kesenangn dengan ketentuanNya dan memohon pertolonganNya dan mengharapkan Semata2 dariNya

Allah Ya Basith mampu melapangkan rezeki seseorang setelah disempitkanNya. Allah melapangkan rezeki seseorang mengikut keperluannya dan kesesuaiannya. Disebalik kelapangan itu tersirat ujian daripada Allah.Setiap kelapangan harus Diiringi dengan syukur, menafkah sebahagianNya dan alat untuk mendekatkan diri kepadaNya.

Hamba Allah Ya Basith adalah orang yang yakin diri, mempunyai harga diri dan berdikari. Mereka berusaha tanpa henti mengejar cita-cita, cekal dan sabar. Hamba
Ya Basith suka melapangkan orang lain, memberi apa yang ada padanya demi Menolong orang yang memerlukan.Kita harus mentauladani Nabi yang menjadikan Hidup dan hartanya diabdikan untuk kepentingan manusia dan keselamatan dunia Dan akhirat. Orang yang dilapangkan pangkat dan kekuasaan menggunakannya untuk
Membantu orang lain menyelesaikan masalah hidup.Ingatlah kelapangan itu adalah Amanah yang akan dipersoalkan.

YAA BAASITH
YANG MAHA MELAPANGKAN

YAA KHOOFIDH
YANG MERENDAHKAN

Allah ya Khoofidh berhak merendahkan atau menghinakan makhluqNya sekiranya Dia merasakan perlu bagi memberi peringatan kepada hambaNya yang lalai. Allah Juga mampu menghinakan tempat kembali diakhirat di neraka disebabkan dosa2. Orang yang dipandang hina oleh manusia mungkin dipandang mulia oleh Allah dan Sebaliknya.

Manusia harus berhati2 dalam mempergunakan amanah Allah dalam bentuk Kemuliaan spt Harta, pangkat, anak2 kerana Dia boleh merendahkan pada bila2 Masa. Dan hamba Ya Khoofidh tidak akan menghina sesama makhluq apatah lagi manusia. Terutama orang-orang miskin yang dimuliakan Allah.

Allah Ya Rafi' mampu meninggikan seseorang ikut pilihanNya. Dia mampu Meninggikan seseorang samada semasa hidup atau selepas mati. Perjuangan Manusia semasa hidup akan dinikmati oleh generasi akan datang dan Kemaksiatan akan menghinakan generasi akan datang.

Hamba Ya Rafi' sentiasa sedar bahawa ada kuasa yang sentiasa mengendalikan Hidup kita dan apabila diuji yakin bahawa selepas kesukaran pasti ada Kemudahan. Apabila dihina oleh manusia, yakiin bahawa Allah Ya Rafi' akan Meninggikan derjat selagi kita bertaqwa kepadaNya.

YAA ROOFI'
YANG MAHA MENGANGKAT

YAA MU'IZZ
YANG MAHA MEMULIAKAN

Kemuliaan itu milik Allah Ya Mu'izz dan Dia memberinya kepada sesiapa yang Dia kehendaki., dan Dia memberi kepada utusanNya dan orang2 yang beriman. Dan Dia Boleh menarik balik kemuliaan itu dengan menghinakan. Orang2 yang menjadi Hamba dunia, pangkat dan wang tidak akan mendapat kemuliaan dari Ya Mu'izz.

Hamba kepada Ya Mu'izz mempunyai keyakinan diri, harga diri yang tinggi dan Hidup berdikari menggunakan seluruh potensi yang ada pada diri untuk kebaikan Manusia sejagat. Dengan mempercayai pertolongan Allah Ya Mu'izz, kekuatan Luar biasa akan terserlah dan kemenangan akan dicapai. Hamba Ya Mu'izz juga Senang memuliakan orang lain serta menebarkan cinta dan kasih sayang sesama Manusia.

Allah ya Mudzil berhak dan berkuasa menghinakan seseorang dan tiada siapa yang Terlepas daripadaNya. Sekiranya dihina Allah, tiada siapa yang memuliakan seseorang. Allah menghina manusia yang melampau batas, zalim, mementing diri Sendiri dan sombong. Allah menghina manusia ketika mereka menjauhiNya, Melakukan laranganNya dan tidak menghiraukan perintahNya dan ketika manusia Lebih takut kp manusia daripada murka Allah.

Hamba Allah Ya Mudzil akan sentiasa mendekatkan diri dgn Allah, mengerjakan perintahNya dan menjauhi laranganNyal. Hamba Ya Mudzil juga adalah manusia Yang merendah diri sesama manusia dan mengganggap manusia itu sama dan Tidak boleh membangga diri.

YAA MUDZILL
YANG MAHA MENGHINAKAN

MODULE 8

Berkenalan Dengan

Ya Sami’, Ya Bashir, Ya Hakam, Ya Adlu

YAA SAMII'
YANG MAHA MENDENGAR

Allah ya sami' mendengar dan mengabulkan permintaan hamba2Nya, mendengar Keluhan serta puji-pujian kpNya. Allah juga mendengar setiap rahsia yang disembunyi Oleh hamba2Nya. Dia mendengar suara lidah dan suara hati dan menghitungnya.

Hamba Allah Ya Sami' akan sentiasa berhati-hati dalam bicaranya dan tindakannya Kerana Allah mendengar semuanya, tiada suatu pun dapat lari dari pendengaranNya. Hamba Ya Sami menjadi pendengar yang baik kepada pandangan dan teguran orang disekitarnya dan juga keluhan hati mereka.

YAA BASHIIR
YANG MAHA MELIHAT

Allah Ya Bashir Maha Melihat. Dia melihat setiap perbuatan manusia dan menghitung setiap perbuatan tersebut. Tiada sesuatupun yang boleh lari daripada pandangan dan perhatian Allah. Dia Ya Bashir juga sentiasa datang menziarahi orang2 yang dalam kesunyian.

Manusia yang mengenali Allah Ya Bashir akan sentiasa berwaspada atas apa Sahaja tindakan dan aktiviti yang ingin dilakukan kerana sudah pasti Allah Melihat walaupun manusia lain tidak melihat. Manusia yang mengamalkan sifat Al-Bashir akan sentiasa melihat nasib dan masalah orang lain dan membantu Manusia menyelesaikan masalah hidup.

YAA HAKAM
YANG MAHA MENETAPKAN

Allah Ya Hakam mempunyai ketetapan hukum terhadap manusia. Allah menetapkan hukum untuk kebaikan manusia dan agar manusia mengikut jalan yang benar. Tiada siapa yang boleh menghalang dan mengengkari hukuman Allah. Manusia harus menerima apa sahaja hukum Allah sebagai anugerah dan nikmat, bukan bencana.

Manusia harus membaca keputusan Hukuman Allah sebagai satu ujian sebagai proses pembersihan dosa-dosa manusia, menerima penderitaan sebagai pengubatan dan redha di atas segala ketentuan Allah. Penghayatan kepada sifat Allah Al-Hakam akan melahirkan manusia yang redha, tenang dan berusaha tanpa putus asa bagi mengatasi segala kesulitan dan bencana yang dikurniakan oleh Allah Ya Hakam.

Allah Ya Adil bersifat Maha Adil kepada makhluqNya. Seseorang tidak akan dirugikan dan dibalasi mengikut apa yang kita kerjakan. Jalan keburukan yang dilalui oleh manusia akan dibalas dengan adil oleh Allah Ya Adl. Manusia harus menerima pengadilan Allah dengan penuh rasa nikmat kerana kasih sayangNya menyelamatkan kita daripada bencana. Keadilan Allah tidak mampu ditafsirkan oleh manusia. Seringkali apa yang disukai Allah tidak disukai manusia dan apa yang dibenci Allah disukai manusia. Oleh itu sentiasa ingat bahawa setiap pengadilan Allah itulah yang paling adil dan baik untuk manusia dan terima dengan redha penuh rasa nikmat.

Manusia harus menghayati sifat Al-Adl agar berlaku adil kepada semua orang tanpa memilih atau memihak kepada orang2 tertentu serta tidak mengikut hawa nafsu dalam memberi keadilan.

YAA 'ADLU
YANG MAHA ADIL

MODULE 9

Berkenalan Dengan

Ya Latif, Ya Khobir, Ya Halim

YAA LATHIIF
YANG MAHA LEMBUT (17 Mac 2010)

Allah Maha Lembut membawa erti hasil ciptaanNya maha halus, setiap takdir keatas manusia penuh kebaikan dan hikmah dan Allah melihat sesuatu dengan penuh lembut dan halus. Allah Ya Latif juga melayan hamba2Nya dengan penuh kelembutan dan kasihsayang. Kelembutannya dapat dirasai ketika dimaafkan segala kesalahan kita ketika kita memohon ampun, dimakbulkan segala keperluan ketika kita memohon, diselamatkan dari bala bencana ketika kita memohon perlindungan, kata-kata yang lembut oleh manusia sekeliling kita apabila dialirkan kelembutanNya.

Penghayatan di dalam diri sebagai seorang khalifah mampu menjadikan seseorang itu bersikap lemah lembut sesama manusia kerana fitrah manusia sukakan kelembutan dan tidak selesa dengan kekasaran. Kelembutan itu dapat digambarkan melalui kata-kata yang sopan, tingkah laku yang sopan dan sikap suka memaafkan, menerima kelemahan dan bertolak ansur.

Allah Ya Khobiir Yang Maha Waspada sentiasa berwaspada terhadap tingkahlaku manusia. Sekiranya manusia terseleweng, maka akan diperbetulkan ke jalan yang benar.

Penghayatan kepada sifat Al-Khobir akan melahirkan manusia yang sentiasa berwaspada dengan kehadiran, penglihatan dan kewaspadaan Allah. Mereka akan mengelakkan diri daripada perkara2 dosa, kemaksiatan dan kemarahan Allah. Khalifah Ya Khobir juga akan waspada dengan kemaksiatan anak2nya, suaminya, sahabat2nya dan orang2 sekelilingnya dengan mengingati serta menasihati mereka agar kembali ke jalan yang benar ketika mereka melakukan kesalahan dan dosa.

YAA KHOBIIR
YANG MAHA WASPADA

YAA HALIIM
YANG MAHA PENYANTUN

Allah Ya Halim Yang Maha Penyantun sentiasa bersifat santun kepada hamba2Nya walaupun hamba2Nya tidak santun kepadaNya. Dia santun dalam memberikan nasihat dan teguran, santun dalam layanan, santun dalam perkataan, santun dalam tindakbalas kasar hambaNya. Kesantunan Allah dapat dilihat dengan mata hati dalam diri wakil-wakilNya Ya Halim yang bersifat santun kepada sesama manusia.

Menghayati sifat Al-Halim, seseorang itu harus menunjukkan kesantunan sesama manusia bagi mengalirkan sifat kesantunan Allah kerana dengan menyebarkan sifat santun ya Halim akan melembutkan hati yang keras, menundukkan kesombongan orang yang sombong dan merendahkan orang2 yang suka meninggi diri dan berbangga dengan kehebatan diri. Manusia dilarang bersikap kasar kerana jiwa manusia itu inginkan dan sukakan kelembutan.

MODULE 10

Berkenalan Dengan

Ya Adzim, Ya Ghoffur, Ya Syakur

YAA 'AZHIIM
YANG MAHA AGUNG

Allah Ya ‘Azhim Yang Maha Agong memiliki seluruh isi langit dan bumi. KeagonganNya mengatasi keagongan manusia kerana manusia hanyalah hamba yang menggunakan pinjaman dan amanah Allah secara sementara. Allahlah pemilik yang mutlak dan dia mampu berbuat apa sahaja kepada sesiapa sahaja tanpa keizinan hamba2Nya. Dia mengurus, mengatur dan mengawal setiap makhluqNya tanpa bantuan dan begitu sempurna tanpa catat cela dan Dia juga Maha Pengasih Penyayang, Pelindung serta mempunyai budi pekerti mulia yang melayakkanNya diagong-agongkan.

Menghayati sifat Allah Ya ‘Azhim menuntut seseorang itu hanya mengagungkan Allah dan tidak wajar mengagungkan manusia kerana Allah Yang Maha Hebat sedangkan manusia hanyalah hamba yang tidak berdaya tanpa pertolongan Allah Ya Adzim.

Sifat Al-Adzim juga mampu melahirkan manusia berani menentukan kehidupan.Berani berusaha membuat perubahan dan mengambil risiko demi perjuangan.

YAA GHOFUUR
YANG MAHA PENGAMPUN

Allah Ya Ghofuur Yang Maha Pengampun mengampuni hambaNya walaupun dosa hambaNya seluas buih di lautan. Setiap kali hambaNya melakukan dosa dan kemudian memohon ampun kepada Allah Ya Ghofuur, pasti Dia akan mengampunkan dosa mereka. Seorang hamba semestinya lah sentiasa memohon keampunan daripada Allah Ya Ghofuur kerana tanpa keampunanNya pastilah seseorang itu akan menerima azab api nerakaNya di akhirat kelak.

Menghayati sifat Al-Ghofuur dalam diri seseorang akan melahirkan seorang yang sentiasa memaafkan kesilapan dan kesalahan orang lain. Seseorang itu amat mudah memaafkan kerana mengingati akan dosa-dosanya diampunkan Allah atas sifatNya yang Maha pengampun. Sifat suka memaafkan orang akan menjalin hubungan baik sesama manusia dan mampu mengubah seseorang daripada kelakuan yang buruk kepada kelakuan yang baik.

Allah Ya Syakuur Yang Maha Mensyukuri dan Menghargai sentiasa menghargai hamba2Nya yang mentaatinya dan mengikut perintahNya serta melakukan kebaikan dan amal solih. Dia Ya Syakuur akan sentiasa menunjukkan penghargaanNya dengan membalas dengan mengalirkan kasihsayangNya, mengalirkan rezeki dan kekayaanNya, memberikan perlindunganNya dan memberikan balasan syurga di akhirat kelak.

Menghayati sifat As-Syakuur akan melahirkan seorang manusia yang suka menghargai sumbangan dan jasa seseorang kepadanya. Dia mudah memberikan pujian sewajarnya sebagai adab sesama manusia dan pujian yang hakiki ditujukan kepada Allah Ya Syakuur yang sentiasa menghargai hamba2Nya.

YAA SYAKUUR
YANG MAHA MENSYUKURI

MODULE 11

Berkenalan Dengan

Ya Aliyy, Ya Kabir, Ya Hafiz

YAA 'ALIYY

YANG MAHA TINGGI

Allah Ya Aliyy Yang Maha Tinggi mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada yang ditakluki dan dikalahkan, sekali gus menakluki makhluqNya. Kedudukan Allah Ya Aliyy mencapai puncak tertinggi di tempat yang tinggi. Dia Maha Tinggi disebabkan Dzat dan sifat-sifatNya, lebih daripada gambaran makhluqNya.Dia Ya Aliyy menganugerahkan darjat ketinggian kepada hamba2 pilhanNya seperti para nabi dan rasul.

Merendah diri kepada Allah Ya Aliyy dicapai melalui sujud dalam solat yang mana ianya simbol merendahkan dan menghinakan diri di hadapan Allah. Sujud adalah darjat hamba yang paling tinggi. Seluruh makhluq di dunia ini sujud kepada Allah Ya Aliyy. Sujud adalah kondisi terbaik bagi seseorang mendekatkan diri kepada Allah.

Menghayati sifat Al-Aliyy melahirkan manusia positif dalam meraih cita-cita, optimis apabila memandang masa depan dan tidak pernah mengundur ke belakang. Ia menjadi asas kukuh dalam usaha mendaki ke puncak yang mana jalan menuju ke puncak banyak onak dan duri dan ujian datang silih berganti, ada pujian dan ada cemuhan.Ianya akan menghasilkan sikap tabah dan tekad.

Allah Ya Kabir Yang Maha Besar merupakan ungkapan kesempurnaan dzat. KebesaranNya menyebabkan Dia tidak memerlukan kepada sesiapapun, malah semua makhluqNya memerlukan kepadaNya.

Menghayati sifat Al-Kabir akan melahirkan manusia yang merendah diri, tidak menyombong diri kerana sedar kebesaran itu hak mutlak Allah Ya Kabir dan kita tidak ada apa2 hak bagi mengakui kebesaran diri. Bagi orang yang dikurniakan harta kekayaan sehingga merasa sombong dan penguasa yang melakukan kezaliman dan penganiayaan akan menerima balasan daripada Allah kerana mereka merasa diri lebih besar dari orang lain dan merasa orang lain hina. Orang yang merendah diri akan diangkat Allah dan orang takbur akan direndah oleh Allah.

Takbir ketika solat merupakan simbol menafikan segala sesuatu selain Allah. Hanya Allah Ya Kabir sahaja yang dibesarkan dan kita hamba yang paling kecil dan kerdil dan hina di hadapanNya. Takbir juga tanda seorang hamba itu sedia untuk bertemu dan berdialog dengan Allah.
Penghayatan kepada sifat Al-Kabir melahirkan manusia berjiwa besar, bijak dan pantang menyerah kalah ketika dilanda pelbagai masalah dan yakin semuanya dirancang Allah dan di akhirnya kebahagian menanti.

YAA KABIIR
YANG MAHA BESAR

YAA HAFIIZH
YANG MAHA PENJAGA

Allah Ya Hafiz Yang Maha Memelihara dan menjaga seluruh ciptaanNya. Tidak ada satu pun yang terlepas daripada jagaanNya. Dia memelihara langit dan bumi dan setiap apa yang ada diantara keduanya. Manusia dijaga oleh Malaikat atas perintah Allah. Diantara pemeliharaan Allah ke atas manusia adalah dikurniakan kesihatan yang baik. Walaupun begitu melalui kesakitan, Allah Ya Hafiz memelihara jiwa kita agar sentiasa ingat kepadaNya dan ketika sakit manusia mampu merenungi apa yang berlaku disekelilingnya terutama berinteraksi dengan Tuhan yang selama ini dilupakannya. Ujian kesusahan dan kesakitan adalah cara Allah menyelamatkan hamba2Nya dari azab api neraka. Allah Ya Hafiz juga mampu melindungi kita daripada bisikan hawa nafsu dan syaitan.

Penghayatan kepada sifat Al-Hafiz adalah sentiasa ingat yang memelihara kita, anak2 kita, suami kita, ibubapa kita, sahabat2 kita dan seluruh manusia di dunia ini adalah Allah Ya Hafiz, bukan sesekali makhluq.

Penghayatan Al-Hafiz juga menjadikan manusia mengeluarkan seluruh potensi yang ada pada dirinya dengan pemeliharaan dan perlindungan Al-Hafiz, menjadi manusia yang yakin diri dengan bantuan dan pemeliharaan Allah.

MODULE 12

Berkenalan Dengan

Ya Muqit, Ya Hasib, Ya Jalil

Allah Ya Muqit Yang Maha Memberi kekuatan dan Kecukupan. Allah Ya Muqit juga menggenggam manusia. Allah Ya Muqit mencukupkan keperluan manusia, berkuasa ke atas manusia serta mampu menggenggam manusia mengikut kehendakNya. Allah Ya Muqit juga mencukupkan rasa kebahagiaan dan kepuasan kepada hamba2Nya hasil daripada amalan dan ketaatan hamba itu kepada Allah.

Penghayatan kepada Al-Muqit melahirkan manusia yang tidak pernah berputus asa kerana kemampuan dan kekuatan yang cukup yang diberikan oleh Allah kepada kita untuk melakukan tugas dan amanah di atas dunia ini. Mereka akan sentiasa disuntik dengan kekuatan2 baru. Sifat Al-Muqit juga akan melahirkan insan yang mengambil berat hal orang lain, suka menolong orang yang sedih, menderita, lapar dan sakit. Hidup tidak disia-siakan kerana kita tidak tahu bilakan kematian akan datang dan menggunakan kekuatan Allah Ya Muqit untuk melakukan kebaikan dan kebajikan.

YAA MUQIIT
YANG MAHA PEMBERI KEKUATAN

YAA HASIIB
YANG MAHA PEMBUAT PERHITUNGAN

Allah Ya Hasib Yang Maha Menghisab, menghitung atau Maha Mencukupi. Allah Ya Hasib mencukupkan segala keperluan makhluqNya tidak lebih dan tidak kurang, semuanya telah ditetap dan diatur oleh Allah. Apabila Allah Ya hasib mencukupkan anugerah dan keperluan seseorang, tiada siapapun yang boleh mengurangkannya. Allah Ya Hasib juga menghitung setiap perbuatan manusia walau sebesar biji zarah sekalipun dan setiap kebaikan itu akan dibalas dengan adil, begitu juga dengan keburukan dan kejahatan.

Penghayatan Al-Hasib akan menjadikan seorang hamba itu sentiasa berwaspada dengan setiap apa yang ingin dilakukan kerana semuanya akan dihisab dan dihitung setiap masa dan saat Allah Ya Hasib Menghitung.

Menghayati sifat Al-Hasib adalah mencukupkan keperluan orang lain dengan membantu mereka. Kita adalah nakhoda kapal yang membawa manusia menuju pantai bahagia dan damai. Kita perlu bermasyarakat dan menentukan hala tuju masyarakat, mengeluarkan masyarakat daripada kegelapan jahiliyyah kepada cahaya Islam yang membahagiakan. Walaupun kita merasa lemah dan tidak mampu, yakinlah Allah Ya Hasib akan mencukupkan segala keperluan kita.

Allah Ya Jalil Yang Maha Mempunyai Keagungan dan Kesempurnaan, maha kaya, maha suci, maha luas dan semuanya. Apabila sifat al-jalil mampu dilihat dengan mata hari akan nampaklah kecantikan dan keindahan Allah dan melahirkan suasana kekaguman yang luar biasa, akan membangkitkan kehairanan, ketakjuban dan penghargaan yang tak terhingga sehingga tidak mampu digambarkan dengan kata-kata. Apabila keindahan Allah tersingkap, maka sifat Al-Jamal akan tersingkap dan seseorang akan merasakan kerinduan yang mendalam.

Penghayatan kepada Sifat Al-Jalil dan Al-Jamil akan mempamerkan budi pekerti yang luhur dan mulia kepada sesama manusia dengan kecantikan dalam dan luar.

Menghayati Sifat Al-Jalil ialah kemampuan untuk merenung keagungan dan keindahan Allah melalui diri kita sendiri dan seluruh alam semesta ciptaanNya.

YAA JALIIL

YANG MEMPUNYAI KEAGUNGAN

MODULE 13

Berkenalan Dengan

Ya Karim, Ya Roqib, Ya Mujib

YAA KARIIM
YANG MAHA MULIA

Allah Ya Karim Yang Maha Mulia, Maha Pemurah, Maha Dermawan dan memberi tanpa hitungan, tak pernah menghalang siapapun untuk datang kepadaNya dan gembira memberi anugerah kepada makhluqNya. Kemuliaan Allah Ya Karim juga digambarkan ketika Allah memberi pendidikan, pemeliharaan dan pembaikan kepada makhluqNya. Allah Ya Karim tak pernah memutuskan harapan hambaNya yang meminta kepadaNya.

Penghayatan kepada sifat Al-Karim akan melahirkan hamba yang hanya menuju permintaan dan harap kepada Allah Ya Karim yang Maha Mulia dan Pemurah serta mengabulkan doa dan mampu melahirkan orang yang berfikiran positif kerana yakin dengan pertolongan Allah dan mereka akan sentiasa bertaqwa dan bertawakkal kepadaNya. Orang yang menghayati sifat al-karim akan sentiasa bersifat dermawan sesama manusia walaupun dia dalam keadaan susah atau senang.

YAA ROQIIB
YANG MAHA MENGAWASI

Allah Ya Roqib yang Maha Mengawasi sentiasa mengawasi hambaNya. Dia Ya Roqib mengawasi daripada bisikan syaitan dan nafsu, daripada kejahatan dan dosa, penyelewengan. Apabila Dia mendapati hambaNya terleka dan tersasar, Dia akan menegur dengan memberi sedikit ujian dan musibah sebagai peringatan. Ketika hamba sedang diuji, pada hakikatnya Allah Ya Roqib mengawasi kerana sayang kepada hambaNYa. Ibubapa boleh memohon Allah Ya Roqib untuk mengawasi anak-anaknya daripada kejahatan dan dosa apabila sudah tiada daya upaya dan keadaan yang begitu mencabar.

Orang yang beramal dengan zikir Ya Roqib akan sentiasa berada dalam pengawasan dan pemeliharaan Allah dan akan dielakkan daripada perkara-perkara kejahatan dan dosa sepanjang hidupnya.

YAA MUJIIB
YANG MAHA MENGABULKAN

Allah Ya Mujib Yang Maha Mengabulkan pasti menjawab dan memberi responseNya kepada setiap keluhan, permohonan dan rayuan. Allah memberi masalah dan ujian hanya semata2 ini menguji tahap keimanan dan keyakinan hambaNya. Ya Mujib berhak mempercepat atau melambatkan pengabulan hajat hambaNya kerana kebijaksanaanNya dalam menentukan samada hajat itu membawa manafaat atau mudarat. Doa hajat hendaklah dipohon dengan penuh yaqin dan sedar. Allah Ya Mujib tidak pernah jemu dengan keluhan dan permintaan hamba2Nya.

Penghayatan kepada Al-Mujib melahirkan insan yang berfikiran positif dan tidak berfikir negatif terhadap Allah dan janji Allah serta berfikiran positif dengan manusia lain dan hakikat kehidupan ini. Semuanya adalah ketentuan Allah dan sebagai seorang hamba perlu redha sepenuhnya. Manusia hanya perlu berdoa kepada Allah bukan kepada manusia lain. Jangan berputus ada, terus ulangi sekiranya masih tidak dimakbulkan.
Dengan hubungan semasa manusia, lapangkanlah manusia lain dengan senyuman dan tunaikan permintaan manusia semampu mungkin,

MODULE 14

Berkenalan Dengan

Ya Wasi, Ya Hakim, Ya Waddud

Allah Ya Wasi' Yang Maha Luas pemberian dan ni'matNya yang tidak dapat dihitung dan diperincikan. Allah Ya Wasi' juga Maha Luas ilmuNya, Maha Luas KekuasaanNya, Luas petunjuk dan bimbinanNya, Luas RezekiNya, Luas KeampunanNya dan ganjaranNya.

Penghayatan kepada Al-Wasi' akan melahirkan seorang yang berwawasan luas dan jauh pandangan, pantang menyerah dalam mengharungi samudra kehidupan. Sifat Al-wasi' melahirkan insan pejuang dan aktivis, membenci kemalasan dan tidak suka bergantung kepada orang lain dan memaksimakan potensi diri yang ada. Hidup sebagai pejuang akan melahirkan kemuliaan da kejayaan. Tanamkan ke dalam hati hidup ini dalam keluasan kurniaan Allah yg mana Dia sentiasa melimpahkan kurniaNya setiap saat tanpa diduga.

YAA WAASI'
YANG MAHA LUAS

Ya Allah Ya Hakim Yang Maha Bijaksana, kebijaksanaanNya tidak mampu difikirkan dan difahami oleh sesiapa kecuali Nabi Muhammad s.a.w. Dia bertindak penuh hikmah bagi menampakkan kekuasaanNya. KebijaksanaanNya tidak mampu dilhat dengan pandangan zahir, bahkan hanya dengan pandangan mata hati. Semua tindakan Allah penuh dengan kebijaksanaan. Penciptaan alam ini juga melambangkan kebijaksanaan Allah Ya Hakim yang mana semuanya berlaku penuh harmoni dan saling berkait.

Manusia dikurniai sifat Al-Hakim yang mampu mengemudi kehidupannya dalam mencapai martabat yang mulia lebih mulia daripada malaikat. Penghayatan kepada sifat al-Hakim melahirkan insan yang bekerja keras dalam kehidupan ini dengan bergantung dengan kebijaksanaan Allah Ya Hakim.

YAA HAKIIM
YANG MAHA BIJAKSANA

YAA WADUUD (28 Apr 2010)
YANG MAHA PENYIRAM KESEJUKAN

Allah Ya Wadud Yang Maha Pencinta mencintai makhluqNya dengan kecintaan yang suci, abadi dan luar biasa. Cinta adalah ciptaan pertama yang dicipta yang melahirkan kekuatan kreativiti dan kehidupan yang sangat indah di dunia ini. Dia Ya Wadud mengalirkan rasa cinta ke dalam jiwa hamba2Nya agar mencintaiNya dan sesama makhluq.

Manusia yang menghayati dan mengenal Ya Wadud akan mengingati Allah sentiasa dalam hati dan fikirannya. Cintanya hanya untuk Allah dan tidak bercinta dengan yang lain dariNya dan melahirkan kepatuhan dan taqwa dengan penuh ketulusan dan hati yang penuh redha dan kasih.

Penghayatan kepada sifat al-Wadud akan melahirkan manusia yang sanggup berkorban demi kebahagiaan orang lain, suka menolong orang dengan mengorbankan kepentingan diri. Menyebarkan cinta sesama manusia dengan membantu manusia lain yang dalam kesusahan, kekecewaan, keputusasaan dan kedukaan.

MODULE 15

Berkenalan Dengan

Ya Majid, Ya Ba’its, Ya Shahid

Ya Allah Ya Majid yang Maha Mulia memuliakan hamba pilihanNya sehingga Dia mampu mengkayakan seorang hamba tanpa harta, dicukupkan segala keperluan tanpa usaha dan dimuliakan tanpa susah payah, begitu juga sebaliknya Dia mampu menimpakan musibah secara mendadak. Disebabkan kemuliaan itu hak Allah Ya Majid, manusia tidak boleh berbangga apabila dipuji kerana segala sifat baik dan terpuji itu adalah sifat Allah Ya Majid.

Penghayatan kepada sifat Al-Majid ialah dengan mempamerkan sifat dan budi pekerti mulia, suka menolong, prihatin dan mudah memaafkan.

YAA MAJIID

MAHA PENYONDONG KEMEGAHAN

YAA BAA'ITS
YANG MAHA MEMBANGKITKAN

Ya Allah Ya Baa'its yang Maha Membangkitkan. Dia membangkitkan manusia selepas kematian, membangkitkan selepas tidur, membangkitkan lintasan hati untuk kebaikan dan keburukan. Allah Ya Ba'its mampu membangkitkan ketenangan jiwa kepada hamba pilihanNya sehingga lahir keilkhlasan, rela, redha dan mahu menurut apa sahaja kehendakNya. Keikhlasan adalah kunci utama bagi mendekatkan diri pada Allah dan mendapatkan cahaya dariNya.

Penghayatan kepada sifat Al-Ba'its melahirkan manusia yang sentiasa bersemangat dan penuh keyakinan, menjadikan kegagalan sebagai panduan untuk menempa kejayaan pada masa depan. Berani mencuba, tidak takut gagal dan berani mengambil risiko.

YAA SYAHIID
YANG MAHA MENYAKSIKAN

Ya Allah Ya Syahid Yang Maha Menyaksikan yang membawa erti Allah wujud, hadir, melihat dan menyaksikan setiap perbuatan manusia dan apa sahaja yang berlaku di dalam dunia ini. Allah Ya Syahid menjadikan anggota manusia berkata2 sebagai saksi perbuatan manusia di dunia.Allah menyaksikan apa yang dilahirkan oleh manusia dan apa yang disembunyikan di dalam hati.

Penghayatan kepada As-Syahid melahirkan manusia yang sentiasa memerhatikan setiap perbuatannya agar tetap berada diatas landasan yang ditetapkan oleh Allah,

MODULE 16

Berkenalan Dengan

Ya Haq, Ya Wakil, Ya Qowiy, Ya Matin

YAA HAQQU
YANG MAHA BENAR

Allah Ya Haq Yang Maha Benar adalah sumber kebenaran. KalimahNya benar, janjiNya benar, balasan dan azabNya benar, akhiratNya benar, cinta dan kasihsayangNya benar dan apa yang dibawa oleh Nabi dan RasulNya benar. Oleh itu hendaklah kita bersandarkan dan bersumberkan daripada kebenaran Allah Ya Haq dalam setiap kata-kata, perbuatan, ibadah, hukuman dan seluruh tindakan kita di dunia ini..

Menghayati sifat Al-Haq ialah dengan menjadikan diri kita orang yang benar dalam segala tindakan, perkataan hatta suara hati sekali pun serta Sebagai seorang hamba juga kita harus memperjuangkan amal makruf dan menghalang kemungkaran kerana itulah perjuangan yang benar. Dan hendaklah kita sedar bahawa Allah sentiasa memerhati akan kebenaran tindakan dan kata-kata kita di atas dunia ini.

YAA WAKIIL

YANG MAHA PEMANGGUL AMANAT

Allah Ya Wakil Yang Maha Menguruskan Amanah melaksanakan urusan pentadbiran di dunia ini dengan penuh kesempurnaan. Sebagai seorang hamba yang tidak berdaya, seharusnya kita menyerahkan sega bla urusan kita kepada Allah Ya Wakil agar menjadi wakil kita dalam menguruskan segala urusan kita. Dia Ya Wakil pasti menjadi wakil yang amanah dan sempurna dalam menguruskan urusan hamba2Nya yang menyerahkan urusan kepadaNya.

Menghayati sifat Allah Al-wakil menjadikan kita seorang yang mampu memikul amanah yang diberikan oleh Allah untuk mentadbir dan mengurus dunia. Dengan bergantung kepada Allah Ya Wakil, segala urusan menjadi mudah dan berjaya dilaksanakan dengan baik.

YAA QOWIYY
YANG MAHA SUMBER KEKUATAN

Allah Ya Qowiy yang Maha Kuat adalah yang mempunyai kekuatan yang maha hebat yang tiada siapa mempunyai kekuatan sepertiNya. Dia Ya Qowiy mampu menggerakkan bulan, matahari, bumi dan bintang. KekuatanNya mampu menenggalamkan bumi dan manusia. KekuatanNya juga mampu mengalahkan seluruh musuh walaupun seluruh manusia dan jin berkumpul untuk mengalahkanNya sudah pasti tidak akan mampu. Dengan kekuatanNya lah sahaja yang mampu menembusi langit sepertimana ketika peristiwa isra' mi'raj. Kekuatan yang ada pada manusia merupakan kekuatan Allah Ya Qowiy dan bukanlah kekuatan manusia sesungguhnya.

Menghayati sifat Al-Qowiy mampu menjadikan jiwa kuat dan kental serta tidak mudah putus asa, gigih dan berusaha bersungguh2 dalam apa juga kebaikan yang dilakukan. Manusia yang dikurnaikan kekuatan Allah Ya Qowiy juga mampu memberikan kekuatan kepada orang2 lain yang sedang diuji oleh Allah dengan kesusahan dan kesempitan.

© 2000-2006, John Grogan

Ya Allah Ya Matin Yang Maha Teguh, seluruh keteguhan yang ada di dunia ini adalah keteguhan Allah. KeteguhanNya lah yang menjadikan gunung2 teguh menjadi pasak bumi, kedudukan bulan, bintang dan matahari sangat teguh, tidak bergoyang sedikitpun dalam peredarannya. Keteguhan yang ada dalam setiap ciptaanNya merupakan keteguhan Ya Matin. Begitu juga manusia yang teguh jiwa dan iman merupakan anugerah Allah Ya Matin yang menyebabkan manusia mampu menghadapi apa jua dugaan hidup dengan penuh keteguhan dan kesabaran.

Menghayati Allah Ya Matin menjadikan kita seorang hamba yang teguh pendirian demi menegakkan kebenaran. Keteguhan Ya matin yang mengalir dalam diri kita akan menjadikan kita seorang yang tabah dan mampu memberikan motivasi agar manusia lain juga merasa tabah dalam menghadapi ujianNya serta tetap teguh dalam perjuanganNya.

YAA MATIIN

YANG MAHA KUKUH

MODULE 17

Berkenalan Dengan

Ya Waliy, Ya Hamid, Ya Muhsi

Ya Allah Ya Wali Yang Maha Melindungi lagi Maha mengurus. Ya Wali juga sentiasa menolong dan membantu hamba2Nya yang dalam kesusahan dan ketika hamba2Nya dalam kesesatan, dibimbingNya, memberi rasa tenteram dan memberikan kejayaan dalam urusan hamba2Nya di dunia dan akhirat. Bagi hamba yang menjadikan Allah sebagai walinya, Allah akan menjaga dan membantu orang itu daripada segala yang dihajatinya dan sentiasa berada dalam taufik dan hidayah Allah.

Menghayati sifaf Allah Al-Wali menjadikan kita manusia yang sering tolong menolong sesama kita, berkasihsayang, lindung melindungi, Orang yang menjadi wali Allah tidak ada kekuatiran pada mereka, dan tidak pula merasa sedih. Menghayati Allah Ya Wali menjadikan seseorang hanya menjadikan Allah pelindung, sandaran utama dan penolong.

YAA WALIYY

YANG MAHA MELINDUNGI

YAA HAMIID
YANG MAHA TERPUJI

Allah Ya Hamid menciptakan sesuatu dengan baik dan Allah mempunyai sifat yang terpuji dan segala perbuatan terpuji itu adalah sifatNya. Dia Ya Hamid layak untuk menerima pujian kerana Dia yang mencipta dan menghidupkan, yang menganugerahkan keperluan hidup dan Dia yang memberi petunjuk sehingga manusia mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Allah Ya Hamid layak mendapat pujian bukan hanya ketika menerima kesenangan tetapi juga ketika menerima kesempitan dan bencana kerana ianya merupakan proses pendidikan Allah kepada hamba2Nya. Seorang hamba hendaklah berbaik sangka dengan Allah walaupun apa pun yang dilakukan Allah kepadanya.

Menghayati sifat Al-hamid menjadikan seseorang hamba itu sentiasa memuja dan memuji Allah serta beramal dengan sifat terpuji Allah. Akan dialirkan sifat2 itu oleh Allah Ya Hamid sehingga mampu menaburkan kebaikan kepada sesama manusia.

YAA MUHSHII
YANG MAHA MENGHITUNG

Allah Ya Muhsi Yang Maha Menghitung sentiasa menghitung amalan dan perbuatan hambaNya walaupun mungkin hambaNya lupa. Setiap perhitungan itu pasti akan dibalas diakhirat kelak kerana Allah itu hakim yang seadil-adilnya.

Penghayatan kepada sifat Allah Al-Muhsyi akan melahirkan manusia yang melakukan kebaikan kerana inginkan catatan yang baik dariNya dan menghindari kejahatan kerana takutkan catatan buruk. Menghayati sifat Al-Muhsi juga akan menjadikan kita seorang yang sentiasa menghitung setiap pemberian dan nikmat Allah lantas mensyukuri nikmatnya. Begitu juga sentiasa menghitung masa-masa yang diberikan Allah samaada digunakan untuk jalan kebaikan atau kejahatan.

MODULE 18

Berkenalan Dengan

Ya Mubdi’, Ya Mu’id, Ya Muhyi, Ya Mumit

Allah Ya Mubdi' Yang Maha Memulai, Dialah yang memulai menciptakan makhluqNya dan tidak ada yang mendahului Allah dalam penciptaanNya tanpa bantuan atau contoh terlebih dahulu. KehebatanNya lah dalam penciptaan alam ini yang membolehkan Ya Mubdi' mencipta dan menguruskan makhluqNya tanpa bantuan dan Dia yang memulai setiap apa yang ada di dunia ini.

Menghayati sifat Allah Ya Mubdi akan menjadikan seseorang itu pembuka kebaikan yang memulai kebaikan dan penutup kejahatan. Kehidupan wakil Allah Ya Mubdi' memberi pembukaan jalan kepada perubahan hidup seseorang ke arah kebaikan. Menghayati sifat Allah Al-Mubdi' juga akan menjadikan seseorang berusaha tanpa henti untuk membuat penemuan2, rekaan2 dan ciptaan2 baru bagi manafaat manusia sejagat dengan bantuan Al-Mubdi'.

YAA MU'IID
YANG MAHA MENGEMBALIKAN

Allah Ya Muid Yang Maha Mengembalikan mengembalikan manusia kepadaNya di hari akhirat untuk dihisab dan diadili akan setiap perbuatan manusia di atas dunia ini. Dia Ya Muid juga mampu mengembalikan hamba2 pilihanNya kepada fitrah yang asal sehingga hamba2 pilihanNya ini mampu hidup sebagai hamba kepada Allah s.w.t dan pengikut Rasulullah s.a.w.

Menghayati sifat Allah Ya Muid akan menjadikan seseorang sentiasa berhati2 dalam hidupnya dan sentiasa melakukan kebaikan dan kebajikan kerana menyedari bahawa kita semua akan kembali kepada Pencipta yang Maha Mengembalikan iaitu Allah Ya Kholiq Ya Muid. Mendekatkan diri kepada Ya Muid akan melahirkan seorang hamba yang kembali kepada fitrah manusia yang dicipta oleh Allah.

Allah ya Muhyi Yang Maha Menghidupkan mampu menghidupkan sesuatu yang telah mati samada tanah yang mati, manusia, termasuk jiwa. Jiwa yang dihidupkan oleh Allah Ya Muhyi akan subur dan mampu mengenal Allah sehingga mampu sentiasa melakukan ketaatan dan kebaikan.

Menghayati sifat Allah Ya Muhyi akan menjadikan jiwa sentiasa hidup dan kuat dan seterusnya mampu untuk bekerja, berusaha tanpa mudah putus asa dan sentiasa berfikiran positif. Kegagalan bukanlah penghujung kepada kehidupan, tetapi ianya adalah langkah-langkah untuk menghadapi kejayaan yang lebih besar.

YAA MUHYII
YANG MAHA MENGHIDUPKAN

YAA MUMIIT
YANG MAHA MEMATIKAN

Allah Ya Mumit Yang Maha Mematikan, Dia memegang nyata makhluq2Nya dan mampu mematikan pada bila2 masa, di mana jua tanpa ada yang mampu menahanNya. Begitu juga sekiranya Dia Ya Mumit ingin menahan kematian seseorang, maka tiada siapa yang mampu mematikannya. Orang yang dekat dengan Allah tidak takut mati kerana kematian merupakan jalan untuk berjumpa Allah ya Waddud yang dirindui.

Menghayati Allah Ya Mumit akan melahirkan manusia yang sentiasa melakukan kebaikan, tidak menyombong diri dan menggunakan apa sahaja anugerah yang diberikan Allah untuk jalan menolong orang lain dan perjuangan agama Allah. Mereka sentiasa ingat kematian akan datang pada bila2 masa. Walaupun hebat mana seseorang itu, mulia dan kaya mana dia disisi makhluq, dia pasti tetap mati kerana kematian tidak mengenal itu semua, yang hidup pasti akan mati, yang kekal hanyalah Allah Ya Baqi Yang Maha Kekal lagi abadi.

MODULE 19

Berkenalan Dengan

Ya Hayyu, Ya Qoyyum, Ya Wajid

Allah Ya hayyu Yang Maha Hidup hidupNya kekal, tidak pernah musnah dan tidak terikat oleh sebarang syarat dan keadaan. Dia berhak memberi atau mencabut kehidupan kepada makhluqNya. Dia terus hidup, tidak pernah tidur atau mengantuk atau letih.

Menghayati sifat Allah Ya Hayyu menjadikan seseorang itu menghargai kehidupan dengan suka dan dukanya. Semangat Al-Hayyu akan memberikan kekuatan untuk mengatasi kesulitan hidup, penderitaan dan rasa sakit. Hidup mestilah melakukan sesuatu yang bermanafaat, mencipta sesuatu dan memberi sesuatu kepada orang lain. Untuk menjadikan hidup ini bermakna dan mampu keluar daripada segala kesulitan hidup hendaklah jiwa sentiasa ingat akan Dia Ya Hayyu, maka akan dihidupkan jiwa kita.

Menghayati sifat Al-Hayyu memberi kesedaran bahawa manusia bukan semata2 hidup di muka bumi bagi bersenang lenang. Mereka sebenarnya hidup bagi melakukan pelbagai pekerjaan penting demi umat manusia sejagat.

YAA HAYYU

YANG MAHA HIDUP

YAA QOYYUUM
YANG MAHA MENEGAKKAN

Allah Ya Qoyyum Yang Maha berdiri sendiri lagi maha tegak. Dia Ya Qoyyum mengatur segala sesuatu yang menjadi keperluan makhluqNya secara sempurna, terus menerus tanpa bantuan sesiapa walaupun hambaNya tidak berterima kasih kepadaNya. Dia Ya Qoyyum tidak memerlukan ketaatan hambaNya maupun tidak berkurang kekuasaan dan kemuliaanNya sekiranya semua makhluqNya menjauhkan diri dariNya.

Menghayati sifat Al-Qoyyum mampu menjadi manusia yang tidak mudah menyerah kalah ketika berhadapan dengan pelbagai kesulitan. Bergantung dengan kekuatan Al-Qoyyum akan menjadikan seseorang kuat dan sentiasa bersemangat dalam mengejar cita-cita kehidupan. Semua kesulitan adalah kesempatan untuk jiwa tumbuh dengan segar dengan kesegaran Al-Qoyyum.

YAA WAAJID
YANG MAHA MENEMUKAN

Allah Ya Waajid Yang maha Menemukan. Dia yang menemukan jalan keluar kepada hamba2Nya yang dalam kesusahan. Dia juga menemukan jalan menuju kepadaNya sehingga timbul rasa ghairah dan mabuk dengan cinta Allah. Allah Ya Waajid telah memberikan sepenuh potensi kepada manusia untuk menjadi khalifah di bumi ini, tetapi seringkali potensi itu tertutup seperti awan menutup gunung yang indah, manusia akan menemui potensi diri itu apabila mampu menyingkap tabir itu dengan membersihkan diri dari dosa2 dan mendekatkan diri kepada Allah Ya Waajid.

Penghayatan kepada Allah Ya Waajid akan melahirkan para pendaki yang membaktikan seluruh umur mereka kepada pendakian. Tanpa menghirau latar belakang, keuntungan atau rugi, nasib buruk atau baik, tetapi terus mendaki kerana telah menemui potensi dan tugas yang diberikan oleh Ya Waajid kepada mereka. Manusia yang menghayati sifat Al-Waajid tidak akan ditemui dalam kelemahan dan penyesalan ketika dia disapa dengan penderitaand an kepedihan.

MODULE 20

Berkenalan Dengan

Ya Wajid, Ya Wahid, Ya Somad

Allah Ya Maajid Yang Maha mulia, dan Dialah yang menunjukkan kebaikan dan kemuliaan yang tidak terhingga kepada makhluqNya. Dengan kebaikan dan kemuliaan Allah Ya Maajid seseorang hambaNya mampu berbuat kebaikan dan dipandang mulia oleh Allah walaupun dia mendapat penghinaan manusia. Kemuliaan Allah Ya Maajid mampu melahirkan keyakinan yang luar biasa yang akan melahirkan kekuatan luar biasa pada otak dan tindakan.

YAA MAAJID

YANG MAHA MULIA

YAA WAAHIID
YANG MAHA TUNGGAL

Allah Ya Waahid Yang Maha Tunggal yang Esa pada dzat dan sifat2Nya, juga tindakan dan keadilanNya. Semua selain Allah adalah makhluq ciptaanNya. Allah memperlihatkan tanda sifat2Nya dalam diri manusia agar manusia dapat mengenal Allah dan mempertingkatkan iman.

Mendekati dan bersama Allah Ya Waahid membuatkan kita tidak memerlukan yang lain, akan melahirkan peribadi yang teguh dan berdikari, mempunyai prinsip hidup yang kukuh dan tak pernah goyang. Semangat Al-Waahid yang dialirkan Allah akan melahirkan pergantungan dan pengharapan yang total kepada Allah kerana keesaanNya.

Allah Ya Somad Yang Maha diperlukan, Dia diperlukan oleh setiap makhluqNya dan padanya kesudahan segala kekuasaan dan kemuliaan. Allah Ya Somad mengetahui setiap keperluan hamba2Nya dan memenuhi keperluan itu mengikut kehendakNya.

Menghayati sifat As-somad menjadikan sesorg itu sentiasa berusaha memenuhi keperluan saudaranya. Sifat As-Somad ini juga akan melahirkan seorang yang tidak mengharapkan dari selain Allah Ya Somad.

YAA SHOMAD

YANG MAHA DIBUTUHKAN

MODULE 21

Berkenalan Dengan

Ya Qodir, Ya Muqtadir

YAA QOODIR
YANG MAHA MENENTUKAN

Ya Qodir Yang Maha Menentukan lagi Maha Berkuasa, Dia melakukan apa yang dikehendakiNya apabila Dia menghendakinya. Kekuasaan Allah Ya Qodir terpantul pada alam semesta.

Menghayati sifat Al-Qoodir akan melahirkan seorg hamba yang sentiasa ingin melakukan sesuatu yang beerti dalam hidupnya kerana sedar semuanya berlaku dengan kuasa Allah dan dia bergantung penuh dengan Ya Qoodir. Walaupun berlaku kegagalan atau kesempitan dalam melaksanakan sesuatu, disebaliknya terdapat keindahan kehendak Allah Ya Qoodir kerana melalui kegagalanlah Allah mengangkat darjat seseorang. Menghayati Sifat Al-Qoodir juga akan menjadikan jiwa tenang dan tenteram kerana mengenali kekuasaan Allah Ya Qoodir.

Allah Ya Muqtadir Yang maha Menentukan yang mana di tangannya terletak segala ketentuan dan Dia Memegang kekuasaan mutlak. Tidak ada sesiapa yang dapat menghalang kehendak dan ketentuanNya. Dengan kekuatan Allahlah berlaku sesuatu kehendakNya melalui makhluqNya, tanpa kekuatanNya, makhluqNya tidak mampu melakukan apa2 pun.

Menghayati sifat Allah Al-Muqtadir akan melahirkan manusia yang bergantung sepenuhnya dengan kekuasaan Allah, redha dengan setiap ketentuanNya dan mampu melihat akan kasihsayang dan kelembutanNya dalam setiap kehendakNya.

YAA MUQTADIR

YANG MAHA BERKUASA

MODULE 22

Berkenalan Dengan

Ya Muqaddim, Ya Muakkhir, Ya Awwal, Ya Akhir

YAA MUQODDIM
YANG MAHA MENDAHULUKAN

Allah Ya Muqoddim Yang Maha Mendahulukan mempunyai kuasa mutlak mendahulukan sesuatu mengikut kehendakNya. Dia mampu menyegerakan sesuatu perkara mengikut kehendakNya semahuNya. Seringkali Allah Ya Muqoddim mendahulukan kegagalan dan kesulitan sebelum diberiNya kejayaan yang lebih besar. Ternyata kesulitan itu adalah kejayaan dan keuntungan yang tiada taranya. Dengan kesulitan, akal akan berfikir mencari jalan keluar. Sesungguhnya ukuran kemajuan yg sebenarnya adalah darjat kedekatan seseorang pada Allah.

Menghayati sifat Al-Muqoddim mampu melahirkan seseorang yang mendahulukan yang lebih utama iaitu Allah berbanding yg lain, dan mengutamakan akhirat berbanding dunia. Penghayatan ini juga mampu melahirkan kekuatan luar biasa sehingga mampu menjadikan seseorang itu pelopor atau peneraju dalam melakukan perubahan dalam kehidupan masyarakatnya.

Allah Ya Muakhkhir yg Maha Mengakhirkan mampu mengakhirkan atau melambatkan sesuatu permintaan hambaNya. Dia memberi pada masa yang paling sesuai dan tepat untuk hambaNya dan keputusanNya penuh dengan kasihsayang dan kebijaksanaan.

Menghayati sifat al-Muakhkhir akan melahirkan seorang yang berjalan mencari pengajaran dan pengalaman sebelum menuju ke destinasi kejayaan yang hakiki dan penuh kematangan. Sesungguhnya tiada satu kejayaan yang mudah tanpa kerja keras dan kejayaan itu datangnya di akhir perjuangan dan pengorbanan.

YAA MU'AKHKHIR

YANG MAHA MENGAKHIRKAN

YAA AWWAL
YANG MAHA PEMBUAT PERMULAAN

Allah Ya Awwal Yang Maha Memulakan, memulakan setiap sesuatu dengan kekuasaanNya dan tiada siapa yang mampu menghalangNya. Dia yang paling awwal, tiada lagi sesiapa sebelumNya dan Dia menciptakan setiap sesuatu.

Menghayati Sifat Al-Awwal akan melahirkan insan peribadi yang suka memulakan dan mempelopori sesuatu. Kita harus mencari peluang baru bagi memberikan khidmat bakti dan membantu dunia. Kita harus memanafaatkan peluang yang datang bagi menjadikan seluruh kehidupan satu perjuangan yang menyeronokkan dengan pergantungan kepada Ya Awwal yang akan menganugerahkan keberanian yang luar biasa dan akhirnya mendatangkan hasil yang menakjubkan.

(c) 2005 alexf@cs.berkeley.edu

Allah Ya Akhir Yang Maha Akhir, ketika semua makhluq musnah, Dia tetap ada kekal abadi dan tiada pengakhirannya. Allah mampu mengakhirkan atau melambatkan sesuatu mengikut kehendakNya dan setiap ketentuan Ya Akhir mengandungi kasihsayang dan pertolonganNya yang tidak terhingga. Allah Ya Akhir ingin membina kekuatan, keberanian dan ketekunan dalam jiwa seseorang.

Penghayatan sifat Al-Akhir akan melahirkan insan berjiwa kental, tekun, berusaha bersungguh2 dan di akhir perjuangan itu akan dikurniai Allah Ya Akhir darjat yang mulia di sisiNya.

YAA AAKHIR
YANG MAHA AKHIR

MODULE 23

Berkenalan Dengan

Ya Zohir, Ya Batin, Ya Waliy, Ya Mutaali

YAA ZHOOHIR
YANG MAHA NYATA

Allah Ya Zahir Yang Maha Nyata menegaskan kepada kita Dia nyata, dapat dilihat dan sesungguhnya hadir. Kehadiran Dia ya Zohir kelihatan jelas pada setiap sesuatu yang dilihat. Di sebalik keindahan dan keharmonian yang menakjubkan itu membuktikan adanya Allah Yang Maha Pencipta. Dia seperti cahaya yang membuat segalanya dapat dilihat, tetapi cahaya yang cukup hebat itu membuatnya tidak terlihat, tetapi Ya Zohir nyata dalam setiap sesuatu.

Penghayatan kepada Ya Zohir akan melahirkan insan yang mampu menzahirkan sifat2 Allah yang terbenam dalam dirinya, dan akan menghasilkan keajaiban Allah dan dengan itu manusia lain akan mampu mengenali Allah melalui diri kita.

YAA BAATHIN
YANG MAHA GHAIB

Allah Ya Baatin yang Maha Ghaib sehingga kewujudanNya tidak mampu dilihat oleh fikiran manusia yang menjadi silau dan tumpul. Kita harus merenung sifat2 Allah dalam makhluq sekeliling kita tapi dilarang membayangkan DzatNya kerana ianya diluar kemampuan aqal kita untuk memikirkan.

Penghayatan kepada Sifat Al-Batin akan membimbing kita untuk lebih suka menilai diri sendiri demi menjaga diri di hadapan Allah. Allah Ya Batin juga mampu menghilangkan aib dan dosa kita pada pandangan umum, oleh itu bergantunglah sepenuhnya kepada Allah Ya Batin agar dipeliharaNya kita pada pandangan orang lain dan kita mampu melakukan kebaikan dan kebajikan kepada manusia lain.

Allah Ya Waali Yang Maha Memerintah dan Maha Memberi, Dia memerintah dan mengawal alam semesta mengikut kehendakNya. Seluruh makhluq dikawal oleh ilmu dan kekuasaan Allah, dibawah kasihsayang, perlindungan dan belaianNya. Dia Ya Waali melindungi hamba2Nya daripada setiap bencana.

Penghayatan kepada Sifat Al-Waali akan menjadikan kita orang yang berpegang kepada Allah dgn pegangan dan pergantungan yang sangat kukuh walaupun dalam kesusahan ataupun kegagalan.

YAA WAALII
YANG MAHA MEMBERIKAN

Allah Ya Muta'ali Yang Maha Tinggi yang ketinggianNya tidak terbatas dan akal manusia tidak dapat membayangkannya. Dia yang paling tinggi DzatNya, martabatNya, kedudukanNya, kemuliaanNya, kekayaanNya, kasihsayangNya dll.

Menghayati Sifat Al-Mutaali akan memberikan kita kekuatan dan semangat untuk mendaki gunung cita-cita, kebahagian dan kejayaan dengan kekuatan Ya Mutaali yang Maha Dahsyat yang dialirkan ke dalam jiwa pendaki dan Dia Ya Mutaali akan bersama kita sepanjang pendakian kerana pendakian itu panjang dan meletihkan dan sentiasa memerlukanNya.

YAA MUTA'ALII

YANG MAHA MENINGGIKAN

MODULE 24

Berkenalan Dengan

Ya Barr, Ya Tawwab, Ya Muntaqim

Allah Ya Barr Yang Maha Baik dan Dermawan menganugerahkan pelbagai jenis kebaikan kepada makhluqNya walaupun mereka derhaka dan tidak menyembahNya. KebaikanNya tergambar dalam sifat pemaafNya kepada hamba2Nya yang berdosa. Dia tidak terus menghukum, diberi peluang untuk bertaubat dan diampunkan dosa2 itu.

Menghayati sifat Al-Barr akan menjadikan kita seorang yang sentiasa melakukan kebaikan kepada sesama manusia, tetapi hendaklah ingat kebaikan itu adalah kebaikan Allah Ya Barr yang terpancar melalui makhluqNya. Kebaikan yang dialirkan oleh Ya barr akan membuatkan seseorang itu merasa kaya tanpa harta, mulia tanpa nasab, tidak ada yg menandinginya, raja tanpa tahta yg tak memerlukan tentera. Mereka mendermakan sebahagian dp harta yang disayangi.

YAA BARRII
YANG MAHA DERMAWAN

YAA TAWWAAB
YANG MAHA PENERIMA TAUBAT

Allah Ya Tawwab Yang Maha Penerima Taubat memberi dan menerima taubat hambaNya tanda kehalusan dan kelembutanNya kepada hamba2Nya. Allah tidak melihat kepada kesalahan dan keburukan perbuatannya, tetapi hamba itu perlu menyesali semua perkara buruk yg. Dilakukan dengan azam tidak mahu mengulangi dan takut dgn. dosa tersebut. Allah bukan hanya menerima taubat, setelah hambaNya disucikan dari dosa, dialirkanNya kasihsygNya dan CintaNya Ya Rahman Ya Rahim ya Waddud. Allah Ya Tawwab seringkali memberi taubat dengan memberi anugerah musibah kp. Hamba2 yang lupa memohon taubat, tetapu hukuman itu cukup ringan berbanding dgn. Azab di akhirat kelak. Oleh itu hendaklah seseorang itu syukur dalam musibah.

Menghayati Al-Tawwab akan menjadikan kita seorang yang pemaaf walau apa pun kesalahan orang terhadap kita. Sifat pemaaf menunjukkan kebersihan hati yang telah dibersihkan oleh Allah Ya tawwab.

YAA MUNTAQIM
YANG MAHA PENYIKSA

Allah Ya Muntaqim Yang maha penyiksa hanya menyiksa hamba2Nya yang sudah keterlaluan membuat kerosakan dan kezaliman di bumi ini serta menyengutukan Allah. Namun begitu, sebelum turun azab, Allah akan beri peringatan demi peringatan agar mereka bertaubat demi kasihsayang dan rahmatNya. Tetapi ketika mereka berterusan melakukan dosa dan tidak menghiraukan peringatan Allah dan merasa gembira dgn. Kejahatan itu, maka akan turunlah azab Ya Muntaqim. Bagi sesiapa yang memohon ampun segera setelah menyedari kesilapanNya, seringkali Allah mengampuninya tanpa menghukumnya.

Menghayati Sifat Al-Muntaqim akan menjadikan seorg itu pemaaf dan menyerahkan urusan pembalasan dan penganiayaan kepada Ya Muntaqim. Balasan dan azabNya terkandung kasihsayang dan rahmatNya.

MODULE 25

Berkenalan Dengan

Ya Ahad, Ya Affuw, Ya Rouf

YAA AHAAD
YANG MAHA TUNGGAL

Allah Ya Ahad Yang Maha Esa atau tunggal, terbebas daripada segala sifat, nama, tanda dan hubungan tetapi semuanya tersembunyi di dalamnya. Dia esa, tidak berbilang, tiada sekutu dan semua makhluq memerlukan dan bergantung dengan keesaanNya.

Menghayati Allah Ya Ahad akan menjadikan kita hamba sejati yang bergantung harap terus kepada keesaan Allah Ya Ahad.

YAA 'AFUWW
YANG MAHA PEMAAF

Allah Ya Afuww Yang Maha Pemaaf melebur dosa dan menghapuskan sama sekali. Allah suka memaaf dan menghapuskan dosa. Dia tidak menghukum segera hamba2nya yg melakukan dosa agar mereka bertaubat dan memohon maaf kp Allah. Walaupun neraka itu wujud, tetapi jalan untuk menyelamatkan diri terlalu banyak.

Menghayati sifat Al-Afuww akan melahirkan sifat pemaaf atas kesalahan orang terhadap kita. Ikutlah sifat pemaaf Allah, walau sebanyak mana dosa, akan dimaafkan Allah dengan sifat Al-AfuwwNya.

Allah Ya Rouf Yang Maha Pelimpah Kasih mencipta alam ini dengan penuh limpahan kasih sayang. KasihNya diberikan kepada seluruh makhluq walaupun makhluq itu tidak berterima kasih kepadaNya. Tetapi kasih sayang Nya seringkali dalam bentuk ujian dan penderitaan bagi membersihkan hamba2Nya supaya mereka dapat menerima cahaya dan kasihNya.

Penghayatan kepada sifat Al-Raof akan melahirkan seorang yang pemurah dan prihatin dan diberi jalan oleh Allah Ya Rauf untuk menolong orang lain.



YAA RO'UUF
YANG MAHA PENGASIH

MODULE 26

Berkenalan Dengan

Ya Malikul Mulk,

Ya Dzal Jalaaliwal ikram, Ya Muqsith

YAA MAALIKAL MULKI
YANG MAHA MENGUASAI SEGALA KERAJAAN

Allah Ya Maalikal Mulki Yang Maha Memiliki Kerajaan memiliki kerajaan alam semesta di langit dan di bumi, di dunia dan di akhirat dan Dia tidak merasa berat menguruskan dan mentadbir dan tidak memerlukan bantuan dan Dia Raja yg sebenarnya. Dia memerintah dgn penuh keadilan. Di dunia Dia Ya Malikal Mulki memilih hamba2Nya menjadi Raja bagi pihakNya dan Allah mengambilnya kembali dgn menurunkan tahtanya bila tiba masanya. Di akhirat, Dia adalah Raja yang mutlak yg. Setiap makhluqNya akan berlutut kpNya.

Menghayati sifat Al-Maalikul Mulki akan menjadikan seseorg ketika diberi kekuasaan, menggunakan kekuasaan untuk kebaikan dan keadilan dan sentiasa menyedari kekuasaan itu hanya sementara dan akan diambil kembali oleh Allah dan sentiasa bertasbih kepada Allah.

Allah Ya Dzal Jalaali Wal Ikroom yang maha memiliki kebesaran dan kemuliaan, semua kesempurnaan, kemuliaan dan rahmat datang dariNya. Dia mampu memberi dan mengambilnya kembali.

Menghayati sifat Allah ya Dzal Jalaali Wal Ikroom akan melahirkan insan yang sentiasa memuji memuja Allah sebanyak2nya dengan lidah dan hatinya dan sentiasa menyedari bahawa kemuliaan dan kebesaran yang dikurniakanNya itu hanya sementara, dan akan diambilNya kembali pada bila2 masa.

YAA DZAL JALAALI WAL IKROOM
YANG MAHA MEMILIKI KEBESARAN SERTA KEMULIAAN

© Rolf Hicker

YAA MUQSITH
YANG MAHA MENYEIMBANGKAN/ADIL

Allah Ya Muqsith Yang maha mencipta dengan penuh keseimbangan dan mengkagumkan, harmoni dan seimbang penuh kesempurnaan. KeadilanNya memberikan kekayaan kepada sebahagian manusia dan kemiskinan kepada sebahagian yang lain, begitu juga memberi kelemahan kp sebahagian yg lain dan kekuatan kp yang lain dan Dia memberi anugerahNya kepada setiap hambaNya dengan tepat. Allah Ya Muqsith juga membalas setiap amal kebaikan, budi pekerti yang mulia dengan ganjaran yg penuh adil dan setimpal.

Menghayati Ya Muqsith akan melahirkan insan yg sentiasa memperjuangkan keadilan, keharmonian dan kedamaian berteraskan kembali kepada Allah. Menghayati ya muqsith juga akan menjadikan seorang mampu melihat keadilan Allah disebalik setiap kejadian dan mampu menikmati setiap ujianNya.

MODULE 27

Berkenalan Dengan

Ya Jami’, Ya Goniy, Ya Mughni

YAA JAAMI'
YANG MAHA PENGUMPUL

Allah Ya Jami' yang maha menghimpun akan menghimpunkan org2 yang telah mati dan dihidupkan kembali untuk dihitung oleh Allah Ya Muhsi, dihisab oleh Ya Hasib ,dibalas oleh Ya Muntaqim dan diadili oleh Ya Adl. Di hari penghimpunan, manusia akan sedar siapakah Allah sebenarnya yg mana di dunia ini mereka tidak takuti akan azabNya, tidak bersyukur akan nikmatNya. Di hari penghimpunan ini, manusia yg sentiasa ingat Allah akan mendapat perhatian istimewa dariNya.

Menghayati sifat Al-jami' akan menjadikan seseorang berusaha untuk menyatukan orang2 yang berpisah dan berkelahi. Bergantung dgn Allah Ya Jami' mampu mengumpulkan hati2 yang terpisah.

YAA GHONIYY
YANG MAHA KAYA

Allah Ya Ghoniyy Yang Maha Kaya memiliki seluruh kekayaan langit dan bumi. Kekayaan yang ada pada orang kaya itu adalah kekayaanNya. Dia mampu memberi kekayaan kp sesiapa yang Dia kehendaki dan mengambil kembali kekayaan tersebut. Kekayaan Allah tidak mampu dilihat dengan mata kasar kerana yang nampak itu hanyalah terlalu sedikit dari kekayaanNya yang ada.

Menghayati sifat Al-ghoniy akan melahirkan manusia yang sentiasa merasa cukup dengan rezeki dan anugerah Allah kepadaNya yang menyebabkan mereka tidak meminta-minta kepada manusia. Sebahagian hamba Allah yang Allah lantik sebagai wakil Ya Ghoniy ketika diberikan kekayaanNya, mereka akan mengalirkan kekayaan itu kepada mereka yang memerlukan.

YAA MUGHNII
YANG MAHA PEMBERI KEKAYAAN

Allah Ya Mughni Yang Maha Pemberi Kekayaan suka memberi kekayaan kepada hamba2Nya. Tetapi kekayaan Allah bukan hanya dalam bentuk harta benda, tetapi juga Dia mampu memberi kekayaan jiwa sehingga sesiapa yang dikurniakan kekayaan jiwa, mereka akan menjadi seorang yang redha dan tenang dalam hidupnya.

Menghayati sifat Al-Ghoniy akan melahirkan insan yang suka membahagikan kekayaan yang Allah Ya Ghoniy berikan kepadanya kepada orang lain yang memerlukan. Mereka sama sekali tidak merasakan yang mereka ini kaya dan mempunyai sifat dermawan, kerana menyedari semua datang dari Allah.

MODULE 28

Berkenalan Dengan

Ya Mani’, Ya Dhorru, Ya Nafi’

YAA MAANI'
YANG MAHA MENCEGAH

Allah Ya Maani' yang maha mencegah sentiasa mencegah hamba2 pilihanNya daripada melakukan kemaksiatan kepadaNya. Allah Ya Maani" seringkali cegah dengan cara memberi ujian kesusahan, kesempitan dan kesakitan ketika hambaNya lalai kepadaNya.

Menghayati sifat Al-Maani' akan menjadikan kita manusia yang suka mencegah perkara yang mungkar yang berlaku di sekeliling kita dengan cara yang penuh hikmah yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. Menghayati sifat Al-Maani' juga menjadikan seseorang itu sentiasa bergantung dan berlindung dengan pencegahan Allah daripada penyelewengan, kejahatan dan kelalaian.

YAA DHOORRU
YANG MAHA PEMBERI DERITA

Allah Ya Dhoorru Yang Maha Pemberi Derita mampu memberi penderitaan kepada hamba2Nya bagi mengingatkan hambanya tentang kesilapan yang dilakukan, memberi hukuman kepada hambaNya yang memohon taubat kepadaNya agar memberikan pengajaran kepadanya dan sebahagian dari proses penyucian dari dosa yang telah dilakukan. Allah Ya Dhooru bukan memberi penderitaan kerana bencinya Dia kepada hamba2Nya, tetapi lebih kepada hukuman dan pelajaran kepada hambaNya agar mereka insaf dengan kesalahan yang dilakukannya.

Menghayati Allah Ya Dhoorru akan melahirkan manusia yang redha dengan penderitaan yang diberikan oleh Ya Dhoorru serta mengambil pelajaran daripada penderitaan itu agar tidak lagi melakukan kesilapan pada masa akan datang.

YAA NAAFI'
YANG MAHA PEMBERI MANFAAT

Allah Ya Naafi' yang maha pemberi manafaat mampu memberi kan manafaat kepada hamba2Nya. Setiap manafaat yang diterima oleh setiap manusia datangnya dari Allah Ya Naafi'.Dia mampu memberi manafaat dan mampu menarik kembali manafaat dengan memberikan mudarat.

Menghayati Sifat An-Naafi' akan melahirkan insan yang sentiasa ingin memberikan manafaat kepada orang lain bagi membantu orang lain dalam menghadapi masalah hidup mereka . Kehadiran mereka akan mengembirakan orang sekeliling kerana mereka mendapat manafaat dengan kehadirannya.

MODULE 29

Berkenalan Dengan

Ya Nuur, Ya Haadi, Ya Baadi’

Allah Yaa Nuur Yang Maha Bercahaya mampu memberikan cahaya kepada jiwa manusia yang mana jiwa yang mendapat cahaya Allah akan pasti mendapat bimbingan dan cinta Allah. Allah juga memberikan cahayaNya kepada kehidupan di bumi dengan memancarkan cahaya An-NuurNya melalui matahari. Dialah sumber semua cahaya di seluruh alam semesta ini.

Menghayati sifat Annur Allah akan melahirkan manusia yang mampu menjadi penerang kepada orang lain dalam membantu mereka menunjuk jalan yang benar. Tetapu sesungguhnya cahaya itu cahaya Yan-Nuur dan hidayah itu hidayah Ya Haadi.. Jiwa yang bercahaya juga akan sentiasa berhati-hati dengan larangan Allah dan sentiasa melakukan ketaatan kepadaNya.

YAA NUUR
YANG MAHA BERCAHAYA

YAA HAADII
YANG MAHA PEMBERI PETUNJUK

Allah Ya Haadi yang Maha Memberi Petunjuk memberi petunjuk dan hidayah kepada hamba2 pilihanNya.dia sahaja yang mampu memberi petunjuk, bimbingan dan hidayah kepada jalan yang lurus. Sekiranya Ya Haadi tidak memberikan hidayah, tiada siapa yang mampu memberinya, maka akan sesatlah seseorang yang tidak dibimbing Allah Ya Haadi.

Menghayati sifat Al-Haadi akan melahirkan seseorang hamba yang bergantung penuh dengan hidayah dan bimbingan Allah, merelakan a dirinya dipimpin Allah Ya Haadi walau jalan itu mendapat cemuhan dan fitnah daripada manusia. Penghayatan kepada sifat Al-Haadi akan menjadikan seseorang itu ingin mengajak manusia lain kepada mendekatkan diri kepada Allah sehingga mampu diberi hidayah dan bimbingan dari Allah Ya haadi.

BEST-NATURE-PHOTOS.BLOGSPOT.COM

Allah Ya Badi' yang maha pencipta keindahan mencipta alam ini penuh dengan keindahan dan kecantikan.Manusia harus merenungi keindahan ciptaan Allah dan memuja memuji Allah atas kehebatanNya.

Menghayati sifat Al-Badi' akan melahirkan insan yang suka keindahan dan kekemasan. Dia akan menjadi keindahan jiwa sambil menjaga keindahan sekelilingnya.

YAA BADII'

YANG MAHA PENCIPTA KEINDAHAN

MODULE 30

Berkenalan Dengan

Ya Baqi, Ya Waris, Ya Rashid, Ya Sobur

Allah Ya Baaqi yang Maha Kekal akan tetap kekal, tidak akan hancur dan musnah. Tetapi sebaliknya.makhluq ciptaanNya akan pasti hancur dan musnah satu hari nanti dan bersifat fana'.Dia ya Akhir tidak ada pengakhiran.

Menghayati sifat Al-Baaqi akan menjadikan seorang hamba itu insaf tentang kefanakan dan kehancuran diri dan dunia ini yang akan menjadikannya sentiasa ingat akan kematian dan pengakhiran yang akan dihadapinya dan hari2 pertemua dengan Allah s.w.t. dan dengan itu akan memberi semangat kepadanya untuk taat kepada perintah Allah dan menjauhi setiap laranganNya. Menghayati sifat Al-Baaqi juga akan melahirkan insan yang berusaha bersungguh2 meninggalkan kebaikan dan kebajikan akan dapat memberi manafaat yang berkekalan walaupun selepas kematiannya.

YAA BAAQII
YANG MAHA KEKAL

YAA WAARITS
YANG MAHA PEWARIS

Allah Ya Waarits maha mewarisi segala apa yang ada di alam semesta ini kerana Dialah yang memiliki dan semuanya akan kembali kepadaNya. Dia Ya Waarits berhak mewariskan apa sahaja kepada siapa sahaja. Allah Ya Waarit mewariskan syurga kepada hambaNya yang bertaqwa dan sebaliknya Dia mewariskan hukuman kepada hambaNya yang melakukan kejahatan.

Penghayatan kepada sifat al-waarits akan melahirkan manusia yang amanah dalam mewarisi kurniaan Allah Ya Waarits di dunia ini dengan melakukan kebaikan, memberi sedeqah dan menjalankan segala amanah.

Allah Ya Roshid Yang Maha Pintar, pandai dan cerdik dalam memberi petunjuk kepada hambaNya searah kebaikan dan dengan kepintaranNya Ya Roshid menyelesaikan segala permasalahan makhluqNya. Ya Rosyid merupakan guru terhebat dan tertinggi yang mengajar kita menghadapi kehidupan ini mengikut kehendakNya dan seterusnya mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Menghayati sifat Ar-Roshid melahirkan manusia yang hatinya penuh tawakkal kepada Allah dan memulakan sesuatu pekerjaan dengan memohon perlindungan dari Allah, kemudian melakukannya dengan tekun. Hasil daripada kurniaan Ya Roshid kana melahirkan hati yang cintakan keimanan dan ketaatan dan benci kepada kekafiran dan kederhakaan.

YAA ROSHIID
YANG MAHA PANDAI

Allah Ya Sobur Maha Sabar dalam segala tindakanNya. Ya Sobur tidak tergesa2 dan terburu2 dlm mengambil apa jua tindakan terhadap makhluqNya hatta manusia yang melakukan dosa juga diberi peluang oleh Allah untuk insaf dan bertaubat, tidak dihukum serta merta. Segala yang Allah Ya Sobur lakukan tepat pada waktunya dengan cara yang sebaiknya dan sepatutnya.

Menghayati sifat Ya Sobur akan melahirkan manusia yang sabar dalam mengharungi kehidupan, tidak tergesa2 dan cermat dalam mengambil apa jua tindakan. Orang yang bersifat dengan As-Sobut akan mampu mengawal hawa nafsu. Pahala yang besar kepada orang yang sabar menghadapi hawa nafsu dan ketika menghadapi musibah spt. Kemiskinan, kemalangan dan penyakit.

Kesabaran yang hakiki akan melahirkan rasa nikmat mengharungi kesusahan, penderitaan, musibah dan kesulitan kerana sedar ianya semua datang dari Allah sebagai ujian menguji kesabaran seseorang hambaNya.

YAA SOBUR
YANG MAHA SABAR